05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

APLIKASI TEKNIK STEP-PAT-CLAP-ROLE (SPCR) DALAM CIPTAAN CORAK IRAMA BAGI MURID TAHUN EMPAT

LAU YEE TING

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD KERJA KURSUS)

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)

Kertas Projek	√
Sarjana Penyelidikan	
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus	
Doktor Falsafah	

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ……04……(hari bulan)……01…….. (bulan) 20……21……..

i. Perakuan pelajar :

Saya, LAU YEE TING, M20182001910, FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis _____ yang _____bertajuk APLIKASI TEKNIK STEP-PAT-CLAP-ROLE (SPCR) DALAM CIPTAAN CORAK IRAMA BAGI MURID TAHUN EMPAT _____ adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR CHRISTINE A/P AUGUSTINE (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____ APLIKASI TEKNIK STEP-PAT-CLAP-ROLE (SPCR) DALAM CIPTAAN CORAK IRAMA BAGI MURID TAHUN EMPAT (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MUZIK (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

25 / 3 / 2021
Tarikh

A. Christine
Tandatangan Penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penghargaan

Saya berasa amat bersyukur kerana saya telah berjaya menyempurnakan kertas projek ini dalam tempoh masa yang ditetapkan. Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada penyelia saya, iaitu Dr Christine a/p Augustine atas tunjuk ajar dan bimbingan beliau kepada saya sepanjang proses menyiapkan penulisan laporan kajian ini. Beliau juga tidak putus asa untuk memperbaiki kesilapan penulisan saya dan sentiasa memastikan saya tidak leka dengan laporan ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada kepada ahli keluarga dan rakan-rakan atas tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan kepada saya. Tidak lupa juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak sekolah dan pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris yang sudi memberi peluang dan kerjasama sepanjang tempoh waktu untuk menyiapkan laporan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menguji sejauh manakah teknik *Step-Pat-Clap-Role* (SPCR) dapat meningkatkan kemahiran mencipta corak irama mudah. Reka bentuk kajian ini ialah pra dan pasca eksperimen yang melibatkan satu kumpulan sampel kajian sahaja. Teknik SPCR digunakan sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran. Empat pergerakan badan telah diperkenalkan melalui teknik SPCR, iaitu pergerakan gelongsor kaki untuk not semibrif dan minim, tepuk peha untuk not krocet dan tepuk tangan untuk not kuaver. Responden kajian terdiri daripada 20 orang murid Tahun Empat dari sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina terletak di Kuala Lumpur. Murid-murid ini dipilih berdasarkan latar belakang muzik mereka dan pencapaian akademik yang sederhana di sekolah. Instrumen digunakan untuk mengutip data kajian ialah ujian pra dan pasca, ujian amali dan pemerhatian berstruktur. Kebolehpercayaan instrumen kajian menggunakan kesahan data triangulasi. Data ujian amali serta ujian pra dan pasca dianalisis menggunakan statistik deskriptif seperti frekuensi dan min manakala data pemerhatian berstruktur dianalisis berdasarkan borang pemerhatian yang disediakan. Hasil kajian menunjukkan perbezaan yang signifikan secara statistik dalam ujian pasca dengan menunjukkan peningkatan skor min 1.55 untuk corak irama satu dan tiga serta skor min 1.75 untuk corak irama dua setelah pelaksanaan aktiviti intervensi kajian. Analisis ujian amali juga menunjukkan frekuensi yang tinggi untuk pencapaian murid, iaitu seramai 14 orang mencapai tahap cemerlang, 6 orang mencapai tahap sederhana dan tiada yang mendapat tahap lemah. Data borang pemerhatian pula menunjukkan bahawa penggunaan teknik SPCR telah meningkatkan minat dan motivasi murid dalam pembelajaran. Kesimpulannya, penggunaan teknik SPCR dapat meningkatkan kemahiran murid untuk mencipta corak irama mudah. Implikasi kajian ini ialah teknik SPCR ini sesuai digunakan oleh guru muzik di sekolah untuk meningkatkan pengetahuan murid dalam tajuk corak irama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

APPLICATION OF STEP-PAT-CLAP-ROLE (SPCR) TECHNIQUE TO IMPROVE THE SKILL IN CREATING RHYTHM PATTERNS FOR YEAR FOUR STUDENTS

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the effectiveness of using Step-Pat-Clap-Role (SPCR) technique to improve students' skill in creating simple rhythm patterns. SPCR technique is used as teaching aids for teaching. The design of this study is pre- and post-experimental involving only one group of study samples. Four body movements have been introduced through the SPCR technique which are sliding foots movements for semibreve and minim notes, pat for crotchet notes and clap for quaver notes. The respondents of the study consisted of 20 Year-Four students from a government Chinese primary school located in Kuala Lumpur. These students were selected based on their musical background and moderate academic achievement in school. The instruments used to collect data are pre- and post-test, practical test and structured observation. Triangulation data was used to enhance reliability and validity data of the study. Practical test data as well as pre and post tests were analyzed using descriptive statistics such as frequency and mean while structured observation data were analyzed based on the observation forms provided. The results showed a statistically significant difference in the post-test by showing an increase in mean score of 1.55 for rhythm patterns one and rhythm patterns three as well as a mean score of 1.75 for rhythm pattern two after the implementation of study intervention activities. Practical test analysis showed a high frequency in students achievement where 14 people achieved excellent score, 6 people achieved good score and none in weak score. Data from observation showed that SPCR techniques has increased students' interest and motivation for learning. In conclusion, the use of technique SPCR helped students to improve the skills of creating simple rhythm patterns. The implication of this study proved that SPCR technique is suitable to use by music teachers in schools to improve students' knowledge in learning rhythm patterns.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
PENGHARGAAN		ii
APPENDIX		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		x
SENARAI RAJAH		xi
SENARAI SINGKATAN		xii
SENARAI LAMPIRAN		xiii
BAB 1	**PENGENALAN**	
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang	3
	1.2 Penyataan Masalah	5
	1.3 Objektif Kajian	7
	1.4 Soalan Kajian	8
	1.5 Kepentingan Kajian	8
	1.6 Batasan Kajian	10

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	1.7	Definisi Operational	11
	1.8	Kesimpulan	13
BAB 2	**TINJAUAN LITERATUR**		
	2.0	Pengenalan	14
	2.1	Pendidikan Muzik di Sekolah Rendah	14
		2.1.1 KSSR semakan 2017 Pendidikan Muzik Tahun Empat	16
	2.2	Teori Pembelajaran	18
		2.2.1 Teori Perkembangan Kognitif Piaget	19
	2.3	Pendekatan *Emile Jaques-Dalcroze*	22
		2.3.1 Pendekatan Emile Jaques-Dalcroze dalam Pendidikan Muzik	23
		2.3.2 Peranan *Eurhythmics* dalam Mencipta Corak Irama	24
		2.3.3 Implikasi Teori Piaget Dalam Pendekatan Eurhythmics Dalcroze	26
	2.4	Mencipta Corak Irama	28
	2.5	Kesimpulan	30
BAB 3	**METODOLOGI KAJIAN**		
	3.0	Pengenalan	31
	3.1	Reka Bentuk Kajian	31
	3.2	Sampel Kajian	33
	3.3	Prosedur Kajian	34
		3.3.1 Kerangka Kajian	34

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.2 Langkah Pelaksanaan Intervensi 38

3.3.3 Langkah-langkah Aktiviti Intervensi 39

3.4 Instrumen Kajian 40

3.4.1 Ujian Pra dan Pasca 41

3.4.2 Ujian Amali 42

3.4.3 Pemerhatian 43

3.4.4 Kebolehpercayaan dan Kesahan Data 44

3.5 Penganalisisan Data 45

3.5.1 Ujian Pra dan Pasca 45

3.5.2 Ujian Amali 46

3.5.3 Pemerhatian 47

3.6 Kesimpulan 47

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan 48

4.1 Maklumat Demografi Sampel 49

4.2 Analisis Dapatan Soalan Kajian 51

4.2.1 Soalan Kajian Satu 51

4.2.1.1 Pemerhatian 51

4.2.2 Soalan Kajian Dua 55

4.2.2.1 Ujian Amali 56

4.2.3 Soalan Kajian Tiga 57

4.2.3.1 Ujian Pra dan Pasca 57

4.2.3.2 Analisis Ujian Pra 58

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

		4.2.3.3 Analisis Ujian Pasca	59
		4.2.3.4 Analisis Perbandingan Pencapaian Murid dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca	61
	4.3	Kesimpulan	62
BAB 5	**RUMUSAN KAJIAN**		
	5.0	Pengenalan	63
	5.1	Rumusan Kajian	63
	5.2	Perbincangan Kajian	65
	5.3	Implikasi Kajian	68
		5.3.1 Implikasi terhadap Pembelajaran Murid	68
		5.3.2 Implikasi terhadap Pengajaran Guru	69
		5.3.3 Implikasi terhadap Bahan Bantu Mengajar	69
	5.4	Cadangan Kajian	70
		5.4.1 Cadangan kepada Pihak Guru	71
		5.4.2 Cadangan kepada Pihak Sekolah	71
		5.4.3 Cadangan kepada Pihak Penyelidik	72
	5.5	Kesimpulan	73
RUJUKAN			74
LAMPIRAN			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Konsep Asas Berhubung dengan Teori Kognitif Piaget	20
3.1	Not Muzik Tahun Empat	35
4.1	Syarat Pemilihan Sampel Kajian	49
4.2	Analisis Pemerhatian Sebelum Pelaksanaan Aktiviti Intervensi Kajian	52
4.3	Analisis Pemerhatian Selepas Pelaksanaan Aktiviti Intervensi Kajian	53
4.4	Frekuensi Ujian Amali	56
4.5	Min Pencapaian Ujian Pra	59
4.6	Min Pencapaian Ujian Pasca	60

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Reka Bentuk Satu Kumpulan Pra Pasca Eksperimen	32
3.2	Pergerakan *Step* untuk Not Semibrif	36
3.3	Pergerakan *Step* untuk Not Minim	36
3.4	Pergerakan *Pat* untuk Not Krocet	37
3.5	Pergerakan *Clap* untuk Not Kuaver	37
3.6	Perancangan Aktiviti Intervensi	38
3.7	Contoh Ciptaan Corak Irama Meter Empatan	40
3.8	Triangulasi	44
3.9	Pengiraan Min Mencipta Corak Irama	46
4.1	Perbandingan Analisis Pemerhatian Selepas Pelaksanaan Aktiviti Intervensi Kajian	54
4.2	Perbandingan Skor Min Ujian Pra dan Ujian Pasca	61

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
SPCR	Step-Pat-Clap-Role
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A	Ujian Pra dan Pasca Kemahiran Mencipta Corak Irama Meter Empatan
B	Rubrik Pemarkahan Ujian Pra Dan Pasca Serta Ujian Amali
C	Ujian Amali Kemahiran Memainkan Corak Irama Meter Empatan
D	Rubrik Pemarkahan Ujian Amali
E	Borang Pemerhatian
F	Surat Makluman Kepada Pejabat Pendidikan Wilayah Sentul
G	Surat Kebenaran Kepada Ibu Bapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.0 Pengenalan

Di Malaysia, pendidikan muzik telah menjadi sebuah subjek di bawah pengurusan Kementerian Pendidikan sejak tahun 1983 yang dikenali sebagai Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). Kemudian, sistem pendidikan telah mengalami beberapa peringkat transformasi kurikulum yang melibatkan perubahan bentuk, organisasi, kandungan, pedagogi, peruntukan masa, kaedah pentaksiran, bahan dan pengurusan kurikulum bagi melahirkan murid yang kreatif dan inovatif. Standard kandungan kurikulum terbaru bagi sekolah rendah yang digunakan sehingga kini ialah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) semakan 2017.

Salah satu penekanan baru yang terdapat dalam KSSR semakan 2017 adalah kreativiti dan inovasi. Aspek pembaharuan dalam penekanan ini telah diberikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perhatian yang serius bagi meningkatkan daya pemikiran kreativiti murid, iaitu Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). KBAT adalah kemampuan menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi untuk menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu (Daud *et al.*, 2016). KBAT boleh membantu murid untuk menguasai kemahiran muzikal dan menghasilkan idea muzikal yang kreatif.

Menurut kajian Yahya Buntat dan Nor Sharliana (2011), persekitaran dan kreativiti mempunyai hubungan yang signifikan. Lihat persekitaran daripada perspektif interaksi guru dan pelajar di dalam kelas bergantung pada peluang kolaboratif yang wujud dalam sebuah sesi pembelajaran dan pengajaran. Kerjasama antara guru dan pelajar melalui tingkah laku kreatif seperti perkongsian idea dan kebebasan bersuara boleh mempromosikan pemupukan kreativiti pelajar (Barbot *et al.*, 2011).

Untuk memupuk kreativiti murid dalam kemahiran muzikal, interaksi antara guru dan pelajar penting untuk membantu murid menjana idea. Oleh sebab tidak semua murid dapat menguasai kemahiran muzikal secara menyeluruh, guru perlu mencari jalan penyelesaian untuk membantu murid menguasai kemahiran muzikal yang lemah dengan menyediakan teknik pembelajaran alternatif yang sesuai dengan tahap dan keperluan murid. Justeru, pengkaji telah menyediakan satu teknik ciptaan sendiri adaptasi daripada pendekatan Dalcroze untuk meningkatkan kemahiran murid mencipta corak irama meter empatan. Teknik ini digunakan sebagai bahan bantu mengajar untuk Standard Pembelajaran 3.2.1 dalam Modul Kreativiti Muzik KSSR semakan 2017 Pendidikan Muzik Tahun Empat, iaitu mencipta corak irama mudah menggunakan not semibrif, minim, krocet dan kuaver.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Latar Belakang Kajian

Menurut Kurikulum Standard Sekolah Rendah semakan (2017), perincian kurikulum program muzik mengandungi aspek dan butiran yang terperinci untuk membantu guru memahami kehendak sukatan pelajaran dengan jelas. Kurikulum pendidikan muzik untuk murid Tahun Empat mempunyai tiga tujuan. Pertama, murid perlu mengetahui nilai not semibrif, minim, krocet dan kuaver. Kedua, murid dapat mengaplikasikan pemahaman membaca notasi muzik dalam aktiviti muzik. Ketiga, murid dapat mencipta corak irama mudah dengan kreativiti sendiri.

Kajian ini memberi tumpuan kepada kemahiran murid dalam mencipta corak irama dengan kreativiti sendiri. Kreativiti murid merupakan elemen penting yang berkait rapat dengan hasil ciptaan murid. Tahap Penguasaan tertinggi dalam KSSR Pendidikan Muzik adalah menjana idea kreatif dalam pengkaryaan muzik. Kebanyakan murid tidak dapat menerapkan pengetahuan notasi muzik dalam aktiviti muzikal. Untuk mencapai ke tahap penguasaan ini, murid perlu peka terhadap perbezaan, manipulasi dan mencipta mesej muzik yang baharu (Ismail et al., 2018).

Menyedari kepentingan kreativiti dalam Pendidikan Muzik, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat pembaharuan dari segi gaya pengajaran guru. Sebagai contoh, perancangan sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) perlu berpusatkan murid agar murid diberi lebih banyak ruang dan peluang untuk mengalami proses perkembangan pemikiran dalam sesi PdPc (Ikhsan & Norila 2005). Dengan ini, murid berpeluang untuk mengeksplorasi potensi diri, membina disiplin ilmu muzik dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meningkatkan kreativiti melalui penglibatan diri dalam pelbagai jenis aktiviti pembelajaran.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk memperbaiki pembelajaran mereka. Murid akan didedahkan dengan pendekatan *Eurhythmics* yang diperkenalkan oleh Emile Jaques-Dalcroze untuk mengatasi masalah ini. Beliau merupakan seorang pendidik muzik yang memperkenalkan kaedah pembelajaran muzik dengan menggunakan pergerakan badan mengikut irama. Pendekatan Dalcroze dipilih kerana falsafah pendekatan ini bukan sahaja seiring dengan penekanan gubahan KSSR semakan 2017 malah ia juga menggalakkan pengajaran berpusatkan murid. Dalcroze percaya bahawa kanak-kanak dapat belajar untuk memahami persepsi irama muzik dengan lebih cekap melalui gabungan pergerakan badan dan irama muzik dalam aktiviti berirama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Hanses dan Kristen (2006) menyokong falsafah pendekatan Dalcroze dengan mengatakan bahawa aktiviti muzikal dapat meningkatkan sensitiviti murid dalam muzik. Selain itu, hasil kajian daripada Wang dan Dennis (2003) juga membuktikan bahawa persekitaran pembelajaran dengan pemahaman yang kaya tentang pelbagai jenis pengalaman aural dan visual dapat memotivasi kemampuan kanak-kanak untuk belajar muzik. Justeru, penyelidikan ini bertujuan untuk mengukuhkan pemahaman muzik dan meningkatkan kreativiti murid melalui pergerakan badan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Penyataan Masalah

Kenny (2017) dalam kajian telah menyatakan bahawa prestasi dan kemampuan muzikal murid di sekolah rendah sering diperkatakan dan dibahaskan terutama oleh para pendidik dan tokoh-tokoh pendidikan. Berdasarkan hasil penelitian yang dilakukan di beberapa buah sekolah telah membuktikan bahawa proses pembelajaran subjek muzik di sekolah rendah belum dapat mencapai hasrat falsafah pendidikan Malaysia dengan sepenuhnya (Rafiza, 2017). Kutipan data Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi subjek muzik sekolah rendah di Kuala Lumpur, kebanyakan murid tidak dapat menzahirkan idea kreatif dengan menghasilkan karya seperti penciptaan corak irama. Majoriti murid sekolah rendah menghadapi masalah untuk mencipta corak irama dengan kreativiti sendiri. Berdasarkan pengalaman pengkaji mengajar di beberapa buah sekolah kebangsaan dan sekolah kebangsaan Cina, murid tidak dapat mencipta corak irama mudah dengan menggunakan not semibrif, minim, krocet dan kuaver.

Isu ini berpunca daripada kekurangan waktu pengajaran muzik untuk murid sekolah rendah. Murid mengalami kesuntukan masa untuk menguasai kemahiran dan teori muzik. Kualiti pengajaran muzik di sekolah rendah kurang berkualiti kerana sebahagian besar tenaga pengajar muzik bukan guru opsyen muzik (Abdullah *et al*., 2020). Guru tersebut cenderung untuk mengambil jalan mudah dengan hanya memperdengarkan kepada murid asas teori muzik berdasarkan apa yang terkandung dalam buku teks. Tambahan pula, sekolah tidak mementingkan pendidikan muzik kerana ianya bukan mata pelajaran yang diuji dalam peperiksaan awam. Peluang untuk mengembangkan potensi dan bakat murid dalam bidang muzik adalah terhad dan hanya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

wujud di sekolah-sekolah yang mampu menyediakan kemudahan peralatan muzik sahaja (Haddad & Heong, 2020).

Selain itu, kesan kekurangan kepelbagaian teknik pengajaran guru dalam kelas muzik juga menyebabkan murid tidak dapat mencipta corak irama mudah. Pelaksanaan pembelajaran seni muzik pada umumnya masih mendominasi penggunaan teknik berbentuk *chalk and talk* yang di sekolah. Teknik pengajaran hanya berhasil untuk menghafalkan dan menguasai sejumlah informasi yang diberi tetapi tidak dapat menyediakan suasana pembelajaran yang kritis, kreatif dan inovatif (Utomo, 2014). Hal ini akan menyebabkan murid berasa terpinggir dan menganggap proses pembelajaran merupakan satu perkara yang membosankan dan tidak mendatangkan apa-apa makna kerana mereka tidak dapat memahami dan menerima kehendak sebenar objektif pembelajaran (Ang Huat Bin, 2000). Abdul *et al*. (2019) dalam kajiannya mengatakan bahawa penggunaan kaedah pengajaran berasaskan aktiviti muzik dapat menyumbang dalam peningkatan pemahaman murid tentang kemahiran mencipta corak irama.

Kajian Yunus (2008) menunjukkan bahawa suasana pembelajaran dalam bilik darjah yang dikawal dan dikuasai oleh guru sahaja telah menjadi salah satu punca tidak dapat memupuk kreativiti murid. Kajian Toh Lai Chee (2011) juga menunjukkan bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran pendidikan muzik yang diamalkan oleh majoriti guru muzik lebih cenderung kepada penggunaan kecerdasan tertentu seperti verbal linguistik, logik matematik dan muzikal. Murid tidak berpeluang untuk memperkembangkan kognitif secara holistik kerana setiap murid mempunyai profil kecerdasan yang tidak sekata tetapi diajar dengan cara yang sama (Harun *et al.*, 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan latar belakang di atas, fokus utama dalam kajian ini ialah sejauh manakah teknik *Step-Pat-Clap-Role* (SPCR) boleh membantu murid untuk mencipta corak irama meter empatan. Teknik ini merupakan adaptasi daripada pendekatan Dalcroze. Murid akan belajar corak irama dengan melalui pergerakan badan dengan melakukan pergerakan *stepping* untuk nilai not semibrif dan minim, *patting* untuk nilai not krocet dan *clapping* untuk nilai not kuaver. Dalcroze telah memperkenalkan pelbagai aktiviti pembelajaran melalui pergerakan. Murid-murid di sekolah rendah pula amat suka bermain dan bergerak. Oleh itu, penggunaan pendekatan Dalcroze sesuai membantu murid untuk memperbaiki kemahiran muzikal selaras dengan konsep bermain sambil belajar muzik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Objektif kajian

1. Mengenalpasti kesan penggunaan teknik SPCR terhadap kemahiran murid dalam mencipta corak irama meter empatan.
2. Mengkaji kemahiran memainkan corak irama meter empatan dengan menggunakan teknik SPCR.
3. Mengkaji kemahiran mencipta corak irama meter empatan dengan menggunakan teknik SPCR.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Soalan kajian

1. Apakah kesan penggunaan teknik SPCR terhadap kemahiran murid dalam mencipta corak irama meter empatan?
2. Sejauh manakah teknik SPCR dapat mempengaruhi kemahiran memainkan corak irama meter empatan?
3. Sejauh manakah teknik SPCR dapat mempengaruhi kemahiran mencipta corak irama meter empatan?

1.5 Kepentingan kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini dapat memberi manfaat kepada dua jenis golongan utama, iaitu guru muzik di sekolah guru muzik dan murid sekolah rendah. Teknik *Step-Pat-Clap-Role* (SPCR) merupakan satu kaedah pengalaman pembelajaran muzik melalui pergerakan berirama. Dalam konteks PdPc, penggunaan muzik dan gerakan dilihat sebagai alat pedagogi yang berguna kepada guru terutamanya ketika mengajar di dalam bilik darjah (Samsudin *et al*., 2018). Alat pedagogi berbentuk muzik dan gerakan ini dapat membantu perkembangan sosial kanak-kanak dan memberikan impak positif dalam membantu menyimpan dan mengimbas kembali maklumat apabila diperlukan (Medina, 2002; Mora, 2000). Contohnya, guru menggunakan pergerakan tubuh badan untuk mengingati kembali nilai not muzik yang disampaikan dalam pengajaran sebelum ini. Secara tidak langsung, cara ini boleh mewujudkan komunikasi dua hala antara guru dan dan murid melalui sesi soal jawab.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Muzik juga sering dilihat menggabungkan elemen kinestetik, pendengaran dan visual (Marsh & Young, 2016). Teknik SPCR mudah difahami dan senang diajar. Guru boleh mengajar melalui demonstrasi. Dengan cara ini, murid dapat mengimitasikan perbuatan guru sambil belajar. Choksy (1981) menjelaskan bahawa pengajaran mengenai konsep irama boleh dilakukan melalui aktiviti imitasi (peniruan) contohnya murid meniru tepukan irama yang dilakukan oleh guru. Justeru, kajian ini penting untuk memberi guru pengajaran alternatif dalam tajuk corak irama untuk meningkatkan keberkesanan PdPc. Hal ini terbukti dengan dapatan kajian Mahzan Arshad (2012) menunjukkan penggunaan teknik ini membantu guru untuk menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Hamisan Salim (2010), muzik dan pergerakan dapat memupuk minat belajar, prestasi dan kesediaan belajar, membina keseronokan mengikut mood dan keadaan, serta menambah baik hasil kerja serta daya ingatan kanak-kanak. Hal ini demikian kerana dalam proses pembelaajran, murid dapat menumpukan perhatian dalam jangka masa yang panjang. Menurut Ismail *et al*. (2017), murid yang boleh menumpukan perhatian untuk jangka masa yang lama cenderung untuk belajar dengan lebih efektif. Teknik SPCR dapat memberi kesan positif kepada murid dengan menggunakan tubuh untuk merasai idea muzikal. Setiap idea muzikal boleh dilakukan oleh anggota badan kerana badan merupakan sebuah organisasi muzik (Ismail *et al*., 2017).

Penggunaan *Eurhythmics* dalam aktiviti muzikal di sekolah rendah telah meningkatkan keberkesanan PdPc untuk subjek muzik (Heldisari, 2020). *Eurhythmics* dapat menjadi pilihan bagi guru muzik sekolah rendah untuk mengajar muzik kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid dapat belajar muzik dengan lebih seronok. Gonzalez-Mena (2011) juga menyatakan bahawa kanak-kanak digalakkan untuk menghasilkan muzik dengan menggunakan suara, badan dan peralatan dalam bentuk yang kreatif dan memberikan respon kepada muzik yang didengar. Nik Latif (2010) dalam kajiannya mendapati bahawa guru muzik sering menghadapi dua isu, iaitu isu dengan pentadbir dan isu tentang penggunaan cara pengajaran. Menurut beliau lagi, *Eurhythmics* boleh digunakan sebagai medium terbaik untuk menyelesaikan isu-isu tersebut.

Thelen dan Klifman (2011) berpendapat bahawa guru sering menghabiskan lebih banyak masa untuk mengawal kanak-kanak, terutamanya semasa transisi aktiviti seperti menyusun BBM, menjaga disiplin murid, memastikan keselamatan murid terjamin, pembersihan kelas dan sebagainya. Untuk mengatasi masalah ini, teknik SPCR dapat digunakan sebagai BBM bagi menjimatkan masa transisi kerana teknik ini hanya menggunakan tubuh badan murid semasa mengajar di dalam kelas. Guru tidak perlu menyediakan BBM kerana murid menggunakan pergerakan badan sendiri untuk meneroka pengalaman muzikal. Guru boleh bertindak sebagai fasilitator di dalam kelas sambil mencatat perkembangan mereka. Oleh itu, teknik SPCR tidak akan membebankan kerja guru dan akan memberikan idea tentang cara penilaian pencapaian murid dalam kelas.

1.6 Batasan Kajian

Kemahiran mencipta corak irama mudah merupakan Standard Pembelajaran 3.2.1 yang terkandung dalam KSSR Semakan Tahun Empat Pendidikan Muzik. Semua murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tahun Empat perlu menguasai kemahiran ini. Kajian ini memberi tumpuan kepada kemahiran murid Tahun Empat dalam mencipta corak irama mudah dengan menggunakan empat jenis notasi muzik, iaitu semibrif, minim, krocet dan kuaver. Not rehat untuk semibrif, minim, krocet dan kuaver tidak akan diuji. Kajian ini hanya melibatkan murid Tahun Empat dari sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina yang terletak di Wilayah Kuala Lumpur. Seramai 20 orang murid dikaji. Hasil kajian ini tidak dapat digenerelisasikan untuk mewakili konteks pendidikan Malaysia. Namun begitu, kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada warga pendidik muzik yang lain dalam meningkatkan kemahiran murid mencipta corak irama mudah.

1.7 Definisi Operasional

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.1 KSSR

KSSR dalam kajian ini bermaksud Kurikulum Standard Sekolah Rendah. KSSR merupakan panduan untuk sistem pendidikan sekolah rendah. Pada tahun 2017, satu pembaharuan telah dilakukan ke atas kandungan KSSR sehingga ia dijenamakan semula sebagai Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.2 SPCR

Teknik SPCR merupakan intervensi kajian yang diadaptasi daripada pendekatan *Dalcroze Eurhythmics*. *Dalcroze* telah memperkenalkan kaedah *Eurhythmics* untuk mempelajari dan mengekspresikan muzik melalui pergerakan (Wentink & Van der Merwe, 2020). Kaedah ini menggabungkan pergerakan, rentak dan improvisasi dalam proses pembelajaran. Teknik SPCR telah dicipta oleh pengkaji berasaskan kaedah *Eurhythmics* untuk meningkatkan kemahiran murid dalam mencipta corak irama.

1.7.3 DSKP Pendidikan Muzik Tahun Empat

DSKP Pendidikan Muzik Tahun Empat dalam kajian ini merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Muzik Tahun Empat. Pada tahun 2017, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) disemak semula. Kajian ini fokus pada Standard Pembelajaran 3.2.1 dalam Modul Kreativiti Muzik KSSR semakan 2017 Pendidikan Muzik Tahun Empat, iaitu mencipta corak irama mudah menggunakan not semibrif, minim, krocet dan kuaver.

1.7.4 Corak Irama

Corak irama ialah satu prinsip reka bentuk yang mengandungi not muzik dan not rehat muzik disusun mengikut meter. Ia mempunyai ulangan yang tersusun untuk menunjukkan motif, mood dan perasaan dalam sesuatu muzik atau lagu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.5 Meter Empatan

Meter digunakan untuk menentukan sukatan nilai not dalam setiap bar. Meter empatan mempunyai empat detik dalam satu bar.

1.8 Kesimpulan

Bab ini membincangkan perkara-perkara mengenai latar belakang kajian dari segi aspek kepentingan murid Tahun Empat menguasai kemahiran mencipta corak irama. Selain itu, bab ini juga menyatakan masalah-masalah yang dihadapi oleh murid dalam menguasai kemahiran mencipta corak irama. Tiga persoalan kajian telah dinyatakan dengan jelas dan persoalan-persoalan kajian ini akan membentuk metodologi kajian. Kajian ini juga menjelaskan kepentingan kajian ini kepada pihak guru muzik dan murid di sekolah rendah. Akhir sekali, beberapa istilah turut dinyatakan supaya pembaca lebih jelas dan faham tentang isi kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

LITERATUR KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.0 Pengenalan

Bab ini akan membincang tentang topik-topik yang berkaitan dengan tajuk kajian secara terperinci.

2.1 Pendidikan Muzik di Sekolah Rendah

Kurikulum pendidikan muzik telah diperkenalkan secara rasmi di Malaysia pada tahun 1983 sebagai salah satu mata pelajaran wajib bagi semua sekolah rendah yang dikenali sebagai Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). Murid berpeluang untuk menyanyi dan bermain instrumen seperti alat perakam dan perkusi. Pada tahun 2010-2016, satu sistem Pendidikan yang baru, iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(KSSR) telah digunakan untuk menggantikan KBSR agar murid dapat belajar muzik dengan lebih menyeluruh. Terdapat empat aspek baru yang dimasukkan dalam KSSR, iaitu pengalaman muzikal, penghasilan muzik, apresiasi muzik dan ekspresi kreatif (Mubin Md Nor, 2011). Aspek ini diterapkan dalam empat modul kurikulum muzik: pengalaman muzikal, penghasilan muzik, apresiasi muzik dan membaca dan menulis notasi muzik. Secara umum, murid mula melibatkan diri dalam kurikulum ini pada umur tujuh tahun sehingga 12 tahun (Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

Pada tahun 2017, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) disemak semula. Kandungan kurikulum telah disusun semula untuk memastikan bahawa murid dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran abad ke-21. Pelaksanaan transformasi kurikulum ini juga menekankan pembelajaran secara mendalam melalui pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berasaskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Sistem penilaian telah digantikan dengan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang menilai murid mengikut enam tahap penguasaan. Perubahan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada murid tetapi juga menggalakkan guru untuk mengubah kaedah pengajaran mengikut keperluan pangajaran dan pembelajaran abad ke-21.

Menurut kajian Nordin (2017), elemen pedagogi baru yang terdapat dalam KSSR semakan 2017 ialah penggunaan strategi bilik darjah. Guru boleh membuat keputusan untuk menguruskan pembelajaran dengan pelbagai cara asalnya ia berbentuk pemusatan pelajar dan menggalakkan kemahiran berfikiran kritikal, kreatif dan inovatif. Kemahiran berfikir yang ditekankan dalam kurikulum ini berteraskan kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Falsafah Pendidikan Negara, iaitu memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dari segi jasmani, emosi rohani dan intelek. Guru perlu menyesuaikan kaedah dengan gaya pembelajaran murid supaya guru dapat mengenalpasti kelemahan murid dan mengembangkan potensi murid dalam kelas.

2.1.1 KSSR Semakan 2017 Pendidikan Muzik Tahun Empat

Menurut KSSR semakan (2017), semua sekolah secara rasminya telah melaksanakan kandungan baru untuk Pendidikan Muzik Tahun Empat. Kemahiran mencipta corak irama merupakan salah satu Standard Pembelajaran 3.2.1 yang terkandung dalam Modul Kreativiti Muzik, iaitu mencipta corak irama mudah. Standard Pembelajaran 3.2.1 merangkumi empat jenis notasi muzik dan empat jenis tanda rehat bagi not semibrif, minim, krocet dan kuaver. Dalam kajian ini, murid menggunakan semua jenis notasi muzik, iaitu semibrif, minim, krocet dan kuaver kecuali tanda rehat. Untuk mencapai objektif pembelajaran tajuk ini, murid memerlukan pengalaman muzik yang kukuh bagi mengaplikasikan notasi muzik ke dalam aktiviti muzikal. Topik ini penting kerana ia membawa pemberatan kandungan kurikulum sebanyak 40% daripada 100% penilaian muzik keseluruhan untuk murid Tahun Empat.

Penilaian untuk Pendidikan Muzik Tahun Empat dilakukan dengan menggunakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). PBD merupakan proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan (KSSR semakan, 2017). Proses ini boleh dilaksanakan dalam bentuk formatif atau sumatif untuk membolehkan guru menentukan tahap penguasaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid. Guru perlu merancang dan membina instrumen untuk mentaksir, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan murid berdasarkan DSKP Pendidikan Muzik Tahun Empat. Terdapat enam tahap penguasaan yang disusun secara hierarki bermula daripada tahap penguasaan satu yang menunjukkan penguasaan terendah sehingga penguasaan tertinggi iaitu tahap penguasaan enam.

Kedua, projek seni muzik haruslah dilakukan sebanyak dua kali setahun bagi semua murid dari Tahun Satu hingga Tahun Enam. Murid Tahun Empat juga tidak terkecuali. Projek ini akan dinilai berdasarkan tiga aspek, iaitu penglibatan, kreativiti dan amalan nilai murni. Setiap aspek ini pula dinilai mengikut tiga kriteria yang ditetapkan dalam panduan penilaian projek seni muzik Tahun Empat. Tiga kriteria ini disusun secara hierarki juga bermula dengan memuaskan, diikuti dengan baik dan cemerlang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Intervensi kajian, iaitu teknik *Step-Pat-Clap-Role (SPCR)* dan aktiviti intervensi yang dicadangkan dalam kajian ini boleh digunakan untuk melaksanakan PBD dan penilaian projek seni muzik Tahun Empat. Aktiviti intervensi kajian ini dijalankan dalam masa tiga minggu mengikut peruntukan waktu untuk subjek muzik di sekolah rendah. Semasa melakukan aktiviti, guru boleh mencatatkan perkembangan murid dalam PBD. Manakala soalan ujian amali dalam kajian ini boleh dijadikan sebagai salah satu projek seni muzik Tahun Empat untuk menilai perkembangan murid dalam pendidikan muzik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Teori Pembelajaran

Pembelajaran merupakan proses interaksi antara murid dan guru untuk memperoleh ilmu dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan (Wati, 2015). Proses pembelajaran berlaku sepanjang hayat dalam kehidupan seseorang individu. Dalam konteks pendidikan, Wati (2015) menyatakan bahawa tujuan guru mengajar bukan hanya memastikan murid dapat menguasai isi pelajaran dan mencapai sesuatu objektif yang ditentukan (aspek kognitif), tetapi juga dapat mengalami perubahan sikap (aspek efektif) dan keterampilan (aspek psikomotor) pada murid tersebut.

Kajian ini mengaplikasikan teori perkembangan kognitif Piaget kerana beliau percaya bahawa kanak-kanak aktif dalam proses pembelajaran yang melakukan eksperimen dan membuat pemerhatian semasa belajar tentang sesuatu ilmu (Dewi, 2013). Semasa kanak-kanak berinteraksi dengan persekitaran, mereka akan terus menambah pengetahuan baru dengan membina ilmu yang sedia ada dan menyesuaikan idea tersebut untuk mengakomodasi maklumat baru. Teorinya tidak hanya tertumpu pada cara kanak-kanak memperoleh pengetahuan, tetapi juga menitikberatkan sifat kecerdasan.

Jean Piaget merupakan seorang ahli psikologi kanak-kanak yang terkenal. Beliau berasal dari Neuchatel, Switzerland dan telah menggunakan model biologi untuk menghuraikan perkembangan kognitif manusia. Pada pandangannya, minda boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkembang, berubah dan mengadaptasi masalah yang berlaku apabila berinteraksi dengan persekitaran (Gardner, 1979).

Pada usia muda, beliau banyak menceburkan diri dalam bidang biologi dan epistemologi. Bidang-bidang ini merupakan suatu bidang ilmu dalam bidang falsafah yang membicarakan tentang perkembangan dan proses memperoleh pengetahuan manusia. Latar belakang ini banyak membantu beliau dalam kajian bidang psikologi setelah beliau mula bekerja Makmal ujikaji IQ Binet di *Paris* untuk membentuk ujian kecerdasan mental (Huitt & Hummel, 2003). Tujuan Piaget bekerjasama dengan Binet adalah untuk melihat pola-pola mengenai proses perkembangan pemikiran yang ditunjukkan oleh kanak-kanak.

2.2.1 Teori Perkembangan Kognitif Piaget

Menurut Jean Piaget, kanak-kanak akan melalui peringkat-peringkat perkembangan yang sama tetapi pada usia yang berbeza-beza. Beliau berpendapat bahawa persekitaran tidak membentuk kognitif kanak-kanak, sebaliknya mereka yang membina persekitarannya. Keadaan ini berlaku melalui pelbagai proses penerokaan, manipulasi dan menilai persekitaran fizikalnya. Jean Piaget telah memperkenalkan empat konsep utama untuk menerangkan dengan lebih lanjut berkenaan skema, penerapan, pengubahsuaian dan keseimbangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1

Konsep Asas Berhubung dengan Teori Kognitif Piaget

Konsep	Maksud
Skema	Struktur kognitif yang berubah untuk mengadaptasikan maklumat baru
Asimilasi	Penerimaan maklumat baru sebagai selaras dengan skemata sedia ada
Akomodasi	Pengubahsuaian skemata yang ada bagi menerima maklumat baru
Keseimbangan	Gabungan proses asimilasi dan adaptasi yang membantu dalam keseimbangan terhadap pengetahuan, kepercayaan dan pengalaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Marinda (2020) dalam kajiannya mendefinisikan skemata sebagai struktur kognitif atau mental yang membolehkan individu mengurus dan menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran. Seorang individu akan sentiasa berinteraksi dengan lingkungan dalam hidupnya. Melalui interaksi tersebut, seseorang individu akan memperoleh skema. Seiring dengan pengalamannya mengekplorasi lingkungan, informasi baru yang diperoleh akan digunakan untuk memodifikasi, menambah atau mengganti skema yang sebelumnya ada (Rohaendi & Laelasari, 2020). Sebagai contoh, seorang kanak-kanak memiliki skema tentang bentuk not muzik kuaver. Berdasarkan pengalaman awalnya, kanak-kanak hanya kenal not muzik kuaver berbentuk ♪. Kemudian, kanak-kanak belajar tentang not rehat kuaver yang berbentuk 𝄾. Kanak-kanak perlu memodifikasi skema yang sedia ada tentang bentuk not kuaver untuk memasukkan bentuk not kuaver rehat yang baru ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Lefa (2014), asimilasi merupakan proses menambahkan informasi baru ke dalam skema yang sedia ada. Dalam contoh di atas, proses kanak-kanak mengenalpasti not muzik kuaver berbentuk ♪ dalam skema bentuk not muzik ialah asimilasi. Proses ini berlaku sepanjang masa kerana kanak-kanak sentiasa menambah ilmu dan pengalaman dalam skema. Oleh itu, perubahan ini berlaku secara kuantitatif dan bukan kualitatif.

Akomodasi ialah bentuk perkembangan lain yang melibatkan pengubahan atau penggantian skema akibat wujudnya informasi baru yang tidak sesuai dengan skema yang sedia ada (Fairuz Rosyid *et al.*, 2020). Terdapat skema baru akan muncul dalam proses ini. Seperti contoh di atas, kanak-kanak melihat not rehat kuaver yang berbentuk 𝄾 dan mewujudkan skema baru, iaitu bentuk not rehat kuaver ialah contoh mengakomodasi informasi baru ke dalam skema baru. Proses ini berlaku secara berterusan sehingga kanak-kanak itu menguasai sesuatu kemahiran tersebut.

Akhir sekali, keseimbangan berlaku apabila kanak-kanak menyeimbangkan proses penerapan dan pengubahsuaian. Mengikut Fairuz Rosyid dan Baroroh (2020), keseimbangan penting untuk menerapkan pengetahuan sebelumnya (asimilasi) dan mengubah tingkah laku untuk menyumbang pengetahuan baru (akomodasi). Keseimbangan dapat menjelaskan pergerakan tahap pemikiran kanak-kanak bergerak dari satu tahap ke tahap yang seterusnya. Piaget berpendapat bahawa peringkat awal itu penting kerana ia menjadi asas bagi perkembangan yang berikutnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Pendekatan *Emile Jaques-Dalcroze*

Pendekatan *Emile Jaques-Dalcroze* merupakan satu pendekatan yang luas digunakan oleh guru untuk mengajar pendidikan muzik. Asas pendekatan Dalcroze ialah koordinasi muzik dengan pergerakan tubuh badan (Thresher, 1964). Pendekatan ini mengandungi tiga elemen penting, iaitu irama, solfa dan improvisasi. Berdasarkan teori Emile Jaques-Dalcroze (1921), pergerakan dalam pendidikan muzik dapat meningkatkan pengetahuan murid mengenai konsep dan elemen muzik melalui proses penerokaan, eksperimentasi, penemuan terpimpin, penyelesaian masalah, improvisasi dan penilaian. Ia merupakan satu pergerakan kreatif yang mengambil kira keinginan-keinginan asas kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Emile Jaques-Dalcroze (1865-1950) merupakan seorang guru muzik dan komposer Swiss yang memperkenalkan *Eurhythmics. Eurhythmics* ialah aktiviti kinetik yang melatih badan untuk bergerak berdasarkan muzik yang didengar. Kemudian, beliau mula menceburi diri dalam kajian tentang respons dan pendengaran murid secara spontan. Dalam kajian "Rhythmic Gymnastics", beliau telah memperkenalkan banyak teknik untuk pergerakan mengikut muzik bermula dengan aspek asas seperti nyanyian, pernafasan, berjalan dan irama.

Pada tahun 1906, demonstrasi kajian Jaques-Dalcroze yang bertajuk *Méthode Jaques-Dalcroze* di Perancis dan Jerman telah menarik minat ratusan guru dan murid profesional. Kajiannya memperkenalkan solfa (*ear training*), gimnastik berirama, improvisasi kibod, *plastique* (*advanced music-movement study*), teori muzik, Swedish gimnastik, tarian, dan anatomi. Kemudian, beliau telah menubuhkan sebuah sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bernama Institut Jaques-Dalcroze. Di sini bermulanya pendekatannya disebar luas secara mendadak ke seluruh dunia. Hasil kajiannya telah mencerminkan 60 tahun pengalaman penerokaan ilmu beliau dalam bidang ini yang membawa pengaruh besar dalam pengajaran muzik dan tarian abad ke-20.

2.3.1 Pendekatan Emile Jaques-Dalcroze dalam Pendidikan Muzik

Dalam kurikulum pendidika muzik abad ke-19, aktiviti kinetik yang melibatkan pergerakan badan telah giat digunakan untuk meningkatkan inovasi dalam aspek pendengaran, kreativiti, ekspresi murid. Falsafah pendekatan Jaques-Dalcroze telah mengalihkan fokus kurikulum lama yang mementingkan aktiviti nyanyian dan membaca notasi kepada fokus baru yang mengutamakan pergerakan berirama untuk meningkatkan perkembangan fizikal, sosial, tradisi dan keperluan kanak-kanak (Campbell 1991: 12). Menurut Abril (2011), pendekatannya kemudian juga diadaptasikan oleh pendekatan muzik yang lain seperti pendekatan Carl Orff.

Pendekatan Jaques-Dalcroze pada asalnya bertujuan untuk mengenalpasti isu dalam pembelajaran muzik (Juntunen & Westerlund 2011). Beliau mendapati bahawa kanak-kanak belajar untuk bermain dan menyanyi tetapi tidak mahir dalam pendengaran. Kemudian, beliau mula melakukan kajian dan eksperimen mengenai penerapan pergerakan badan dalam pendidikan muzik. Pengajarannya menggalakkan kanak-kanak untuk mengalami muzik melalui pergerakan tubuh badan. Kanak-kanak belajar untuk bergerak dan memberi respon terhadap muzik yang didengar. Pengajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini perlu menjangkau kanak-kanak pada peringkat awal agar dapat menjadi asas untuk meningkatkan kepekaan murid terhadap muzik (Schiavio, 2019).

Teknik pengajaran Jaques-Dalcroze sesuai dengan keupayaan kanak-kanak kerana pengajarannya mudah, senang dan gembira. Semasa mengalami muzik, kanak-kanak juga mempunyai lebih banyak peluang untuk memberi respon secara spontan. Dalam kajian Altenmüller (2015) pernah berkata bahawa "elemen yang paling penting dalam muzik dan boleh diaplikasikan dalam kehidupan ialah pergerakan berirama yang bersandar pada gerak (movement) dan dinamik yang boleh meningkatkan ekspresi dan perkembangan otot-otot tubuh badan kita" (ms. 74).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.2 Peranan *Eurhythmics* dalam Mencipta Corak Irama

Pendekatan Emile Jaques-Dalcroze merangkumi tiga aspek, iaitu *solfege*, *Eurhythmics* dan improvisasi. Fokus utama kajian ini adalah aspek *Eurhythmics* yang menekankan bahawa individu dapat meneroka muzik dengan melakukan pergerakan seperti berjalan, bergalop dan melompat mengikut irama lagu. Kanak-kanak lebih cenderung untuk menghargai dan mencintai muzik melalui cara ini (Sutela *et al.*, 2020). Beliau percaya bahawa gabungan konsep pergerakan lokomotor dengan elemen ruang, masa dan tenaga dapat memperkuatkan pengalaman muzik kanak-kanak.

Teknik *Eurhythmics* mengandungi tiga elemen penting, iaitu irama, solfa dan improvisasi. Menurut kajian Nainggolan (2017), hasil dapatan membuktikan bahawa *Eurhythmics* boleh meningkatkan kreativiti gerakan individu. Kreativiti gerakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penting untuk meluaskan perkembangan kognitif kanak-kanak. Dapatan daripada kajian Wang (2008) mendapati bahawa dengan menggunakan pendekatan Dalcroze mengikut jadual yang ditetapkan, murid-murid telah menunjukkan peningkatan prestasi dalam pembelajaran tajuk irama. Latihan ini dapat membantu murid untuk meningkatkan ilmu pengetahuan mereka mengenai konsep irama dan meter. Dengan cara ini, kanak-kanak boleh mengaplikasikan notasi muzik dengan aktiviti mencipta corak irama.

Eurhythmics mampu mewujudkan suasana pembelajaran kelas yang kondusif dan menyeronokkan selain meningkatkan ilmu pengetahuan kanak-kanak. Corak irama merupakan asas kepada semua pembelajaran elemen muzik termasuklah nyanyian dan permainan alat muzik. Turcott (2003) telah menjalankan satu tinjauan terhadap kajian-kajian lepas dalam bidang nyanyian dan corak untuk subjek pendidikan muzik. Kajian Ismail (2017) tentang aspek fisiologikal dalam bidang nyanyian oleh Gonzo menerangkan bahawa irama merupakan elemen yang penting untuk meningkatkan pemahaman muzikal bagi aktiviti nyanyian serta persembahan.

Eurhythmics dapat membantu murid untuk memahami corak irama melalui pergerakan badan kerana tubuh badan merupakan alat ekspresi semula jadi (Dopo, 2018). Beliau percaya bahawa gerakan tubuh badan dapat melahirkan muzik asli. Hal ini disokong oleh kajian Jeong (2005) yang menyatakan pentingnya melahirkan muzik asli melalui pergerakan badan untuk mengelakkan murid beri respon secara mekanikal dan mengabaikan ekspresi. Selain itu, kajian Sacks (2008) juga membuktikan bahawa corak irama memainkan peranan penting dalam menyatukan bunyi dan pergerakan bagi tujuan mengkoordinasi dan mencergaskan pergerakan asas lokomotor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dilakukan oleh Jones (2018) menyatakan bahawa pendekatan Dalcroze mempunyai tiga elemen *(eurhythmic, solfege, improvisation*), empat ciri-ciri (*active listening, relationship of time, space and energy, positive self expression, joy*) dan lima permainan *(quick reaction games immediate response, following games, replacement games, interrupted canon, continuous canon)* dalam proses pengajaran. Beliau juga percaya *Eurhythmic* ini selaras dengan tahap penguasaan murid di sekolah rendah.

Step-Pat-Clap-Role (SPCR) menggunakan tepuk tangan, peha dan hentakan kaki untuk membantu murid memahami nilai not semibrif, minim, krocet dan kuaver. Kemudian, murid boleh menggunakan teknik SPCR untuk mencipta corak irama dengan kreativiti sendiri. Intervensi ini memenuhi kehendak DSKP Pendidikan Muzik Tahun Empat. Penerapan konsep *Eurhythmics* dalam teknik SPCR secara langsung dapat meningkatkan pengalaman muzikal murid. Oleh itu, teknik SPCR Eurhythmics dikatakan sangat relevan dan sesuai digunakan oleh kanak-kanak untuk meningkatkan kemahiran mencipta corak irama.

2.3.3 Implikasi Teori Perkembangan Kognitif Piaget Dalam Pendekatan *Eurhythmics* Dalcroze

Teori perkembangan kognitif Piaget dapat memberikan pemahaman yang lebih baik mengenai cara pemikiran kanak-kanak dan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan kognitif kanak-kanak. Namun, tidak semua kanak-kanak dapat meningkatkan kognitif mereka melalui teori dan prinsip perkembangan kognitif Piaget

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam proses pembelajaran. Berdasarkan kajian Muhibbin Syah (2003), teori ini hanya digunakan sebagai panduan untuk memahami kognitif dalam kanak-kanak. Woolfolk dan Nicolich (1984) mengemukakan dua implikasi teori Piaget dalam Pendidikan Muzik, iaitu membantu guru dalam menentukan kemampuan kognitif murid dan memilih strategi pembelajaran yang sesuai dengan murid.

Pendekatan *Eurhythmics* Dalcroze menitikberatkan penggunaan tubuh badan untuk menguasai sesuatu kemahiran muzikal. Menurut Downey dan Garzoli (2007), aktiviti fizikal adalah sebahagian daripada proses pendidikan yang berlaku melalui pengalaman dalam pelbagai situasi. Aktiviti yang melibatkan tubuh badan dapat meningkatkan kemahiran motor kasar dan motor halus kanak-kanak. Semasa kanak-kanak bermain, mereka dapat mengkoordinasikan badan mereka untuk mengawal pergerakan. Kemahiran dan pengawalan motor berkaitan dengan kemahiran kecekapan otak. Hal ini dapat meningkatkan daya ingatan kanak-kanak dan menguasai sesuatu kemahiran muzikal melalui pengalaman muzikal.

Kanak-kanak yang berumur antara tujuh hingga 10 tahun mengalami peringkat pembesaran yang pantas terutamanya dalam perkembangan psikomotor. Pada peringkat ini, perkembangan koordinasi, pergerakan, kekuatan dan keseimbangan tubuh badan kanak-kanak perlu diberi perhatian yang sewajarnya (Ismail *et al.*, 2018). Dapatan kajian Gallahue dan Ozmun (2006) juga menunjukkan bahawa perkembangan gerakan kanak-kanak dipengaruhi oleh kematangan, persekitaran dan pengalaman kanak-kanak tersebut. Pergerakan-pergerakan seperti bertepuk tangan dan menghentak kaki mengikut nilai not muzik yang diperkenalkan dalam teknik SPCR dapat membantu kanak-kanak menguasai konsep dan kemahiran muzikal dalam pembelajaran. Hal ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

demikian kerana elemen perkembangan kognitif yang diterapkan dalam teknik SPCR bersesuaian dengan peringkat umur kanak-kanak dan menyediakan pengalaman muzikal kepada mereka.

Eurhythmics juga dapat meningkatkan perkembangan kognitif kanak-kanak melalui pengajaran pengetahuan sedia ada (*ready made knowledge*) seperti pengiktirafan dan taksiran notasi muzik. Kanak-kanak digalakkan untuk mempelajari sesuatu ilmu pengetahuan melalui interaksi spontan dengan situasi (Ballou, 1977). Aktiviti intervensi dalam kajian ini dirancang berasaskan pengetahuan sedia ada murid supaya mereka dapat berfikir secara abstrak dan kompleks mengikut konsep perkembangan kognitif Piaget. Sebagai contoh, murid diberi peluang untuk membina skema baru semasa belajar teknik SPCR yang baru dibelajari dan kemudiannya mengadaptasikan teknik SPCR tersebut dalam kemahiran mencipta corak irama mudah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Mencipta corak irama

Irama merupakan elemen penting dalam muzik (Heldisari, 2020). Menurut Krumhansl (2000), irama bermaksud penekanan bunyi-bunyi atau peristiwa-peristiwa lain yang berkait dengan tempoh masa. Irama merangkumi faktor tempoh masa (*duration*), detik, meter dan tekanan (Harriska, 2018; Salim, 2013). Irama terbentuk daripada sesuatu susunan bunyi. Heldisari (2020) juga menyatakan bahawa corak irama terbentuk daripada not muzik dan not rehat muzik dan disusun mengikut meter. Semasa menulis corak irama, meter mainkan peranan untuk menentukan sukatan nilai not dalam setiap bar supaya menepati bilangan detik yang ditetapkan mengikut meter yang digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan DSKP Pendidikan Muzik Tahun Empat, murid perlu menggunakan nilai not semibrif, minim, krocet dan kuaver untuk mencipta corak irama mudah. Kajian ini menggunakan teknik *Step-Pat-Clap-Role* (SPCR) untuk membantu murid mengenali nilai not-not muzik tersebut dan kemudian menggunakan not-not muzik tersebut untuk mencipta corak irama mudah. Dalam teknik SPCR, murid menggunakan empat pergerakan badan yang merangkumi pergerakan tepuk tangan, peha dan hentak kaki untuk mengekspresikan nilai not muzik semibrif ,minim, krocet dan kuaver.

Menurut Ismail (2017), pergerakan tepuk tangan, peha dan hentak kaki merupakan salah satu cara yang boleh digunakan oleh guru untuk mengajar tajuk irama. Beliau juga berkata kaedah ini dianggap sebagai kaedah terbaik bagi guru untuk mengajar tajuk irama. Pergerakan tepuk tangan, peha dan hentak kaki digunakan untuk mempelajari nilai not. Kaedah ini perlu divariasikan dengan aktiviti lain seperti melakukan pergerakan tepuk tangan, peha dan hentak kaki sambil membaca corak irama atau meneka corak irama dengan melihat pergerakan tepuk tangan dan hentak kaki yang ditunjukkan. Tujuannya adalah untuk mewujudkan pembelajaran lebih seronok dan menyediakan pengalaman muzikal untuk murid supaya dapat merasai corak irama serta mendapat gambaran yang lebih menyeluruh mengenai corak irama yang dipelajari (Nainggolan, 2017).

Menurut Yelin (1990), *Eurhythmics* menekankan penggunaan tubuh badan secara menyeluruh bagi meningkatkan koordinasi fizikal dalam pengajaran irama. Nur Shafiqa Mohtar (2013) juga mengatakan bahawa *Eurhythmics* sesuai digunakan untuk belajar irama dan konsep muzik yang lain. Teknik SPCR menggunakan pergerakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tubuh badan sebagai simbol untuk menterjemahkan irama. Proses integrasi akan berlaku secara tidak langsung antara tubuh badan, fikiran dan emosi juga semasa mengekspresikan irama. Ekspresi penting kerana dapat merangsang pemikiran kreatif semasa pembelajaran muzik (Wiggins & Espeland, 2012). Dengan cara ini, murid dapat memahami konsep pembentukan corak irama dalam meter tertentu. Setelah murid menguasai pemahaman ini, murid dapat mencipta corak irama dengan kreativiti sendiri.

2.5 Kesimpulan

Bab ini memaparkan kepentingan dan kelebihan penggunaan teknik SPCR berdasarkan teori pembelajaran kognitif Jean Piaget. Selain itu, kajian ini juga menyatakan kajian-kajian lepas mengenai kemahiran mencipta corak irama. Melalui kajian lepas, objektif dan persoalan kajian dapat dijawab dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.0 Pengenalan

Metodologi kajian penting untuk memberikan idea utama mengenai cara pelaksanaan dan penilaian kajian ini. Ia juga dapat menentukan keberkesanan dalam menjawab persoalan-persoalan kajian. Dalam bab ini, kaedah kajian yang dirangka merangkumi reka bentuk kajian, responden, kaedah yang digunakan serta cara data dikumpul dan dianalisis.


3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan pra pasca eksperimen yang melibatkan satu kumpulan sampel kajian sahaja untuk menguji keberkesanan intervensi kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seramai 20 orang murid Tahun Empat telah dipilih sebagai sampel kajian. Berikut merupakan reka bentuk satu kumpulan pra pasca eksperimen.



Rajah 3.1. Reka Bentuk Satu Kumpulan Pra Pasca Eksperimen

Reka bentuk satu kumpulan pra pasca eksperimen menggunakan dua kali pengukuran (pengukuran yang sama) ke atas pembolehubah bergantung, iaitu sebelum dan selepas pembolehubah bebas dimanipulasi (Yuhesti, 2014). Tujuannya adalah untuk mengesan sejauh manakah kesan pembolehubah bebas memberi pengaruh perubahan pada pembolehubah bergantung. Kelebihan reka bentuk ini ialah pengkaji dapat memperoleh maklumat tentang keadaan asal sampel daripada ujian pra untuk dibandingkan dengan keputusan ujian pasca setelah sampel kajian diberi rawatan. Eksperimen ini dijalankan di bawah pemerhatian pengkaji. Menurut kajian Larry *et al.* (2013), pemerhatian perlu dibuat dalam keadaan yang terkawal supaya faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi fenomena dapat disingkirkan seperti markah ujian, jawapan pelajar kepada sesuatu soalan atau tingkah laku pelajar dalam kelas.

Setiap eksperimen mempunyai dua jenis pembolehubah penting, iaitu pembolehubah bebas dan pembolehubah bergantung. Pembolehubah bebas ialah pembolehubah yang dimanipulasikan oleh pengkaji dan akan mempengaruhi pembolehubah bergantung. Pembolehubah bergantung pula didefinisikan sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembolehubah yang tidak dapat dimanipulasi atau dikawal. Dengan kata lain, pembolehubah bebas ialah penyebab manakala pembolehubah bergantung ialah akibatnya. Dalam kajian ini, pembolehubah bebas ialah murid Tahun Empat dan pembolehubah bergantung ialah kemahiran mencipta corak irama.

Pembolehubah bergantung boleh didapati daripada instrumen kajian. Instrumen kajian ini terdapat tiga jenis, iaitu ujian pra dan pasca, ujian amali dan pemerhatian. Pembolehubah ini penting untuk menilai kebolehpercayaan dan kesahannya. Jasmi (2012) mendefinisikan kebolehpercayaan sebagai kecekalan dan kestabilan sesuatu ukuran atau alat ukur atau kajian atau soal selidik merentasi masa terhadap sesuatu gagasan. Kebolehpercayaan bertujuan untuk mengenalpasti ketepatan ukuran itu apabila diberi untuk menguji responden yang sama. Kesahan pula diberi maksud ketepatan, kebenaran dan kebolehgunaan instrumen digunakan untuk menganalisis data (Shrivastava, 1987; Baker, 2006; Tseng & Nutley, 2014).

3.2 Sampel Kajian

Populasi kajian ini melibatkan 20 orang murid Tahun Empat daripada sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina terletak di Kuala Lumpur. Sampel ini dipilih dengan menggunakan teknik memadan. Murid dipilih berdasarkan syarat pemilihan yang ditetapkan supaya dapat mengurangkan jurang perbezaan tahap penguasaan murid. Syarat pemilihan murid dilihat dari segi tahap penguasaan murid, pencapaian akademik dan latar belakang muzik murid. Hal ini penting bagi memastikan data yang dikumpulkan mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan tinjauan awal yang dijalankan terhadap murid-murid ini, pengkaji telah mendapati bahawa kebanyakan murid lemah dalam menguasai corak irama meter empatan. Apabila pengkaji meminta murid untuk mencipta corak irama, murid tidak dapat membuat melakukannya dengan baik. Murid-murid cenderung untuk meletakkan not muzik yang mereka suka tanpa mengambil kira kiraan not dalam satu bar. Hal ini demikian kerana mereka tidak dapat mencipta corak irama sambil mengira jumlah not muzik dalam satu bar. Sekiranya murid hanya mempelajari teori muzik, mereka dapat mengenali nama not dan nilai not muzik dengan mudah. Tetapi apabila diminta untuk mencipta corak irama, murid mula berasa rimas dan kurang yakin. Mereka tidak dapat mengaitkan fungsi meter dan nilai not dengan kemahiran mencipta corak irama.

Oleh itu, pengkaji telah mengumpul beberapa data awal untuk membuktikan kewujudan masalah murid dalam kelas ini. Hasil dapatan daripada data telah menunjukkan bahawa daripada 25 orang murid, 20 orang murid dalam kategori lemah dan sangat lemah untuk kemahiran mencipta corak irama. Jadi, pengkaji telah memilih 20 orang murid tersebut untuk menjalankan kajian ini.

3.3 Prosedur Kajian

3.3.1 Kerangka Kajian

Intervensi yang digunakan untuk mengatasi masalah kajian ini adalah dengan menggunakan teknik *Step-Pat-Clap-Role* (SPCR). Teknik SPCR merupakan adaptasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada kaedah *Eurhythmics* yang diperkenalkan oleh *Emile Jaques-Dalcroze*. Teknik ini hanya menggunakan empat jenis notasi muzik, iaitu semibrif, minim, krocet dan kuaver seperti yang terdapat dalam Standard Pembelajaran 3.2.1 KSSR Semakan Tahun Empat Pendidikan Muzik. Not rehat untuk empat jenis not tersebut tidak dikaji. Teknik ini boleh membantu murid untuk meningkatkan kemahiran murid mencipta corak irama dalam meter empatan dengan kreativiti sendiri.

Teknik *Step-Pat-Clap-Role* (SPCR) diadaptasi daripada pendekatan *Eurhymthics* Dalcroze yang menggunakan pergerakan tubuh badan untuk belajar irama. Teknik SPCR digunakan untuk menjawab persoalan kajian satu, iaitu mengenalpasti nilai not semibrif, minim, krocet dan kuaver dengan menggunakan teknik SPCR. Terdapat empat pergerakan tubuh badan telah dibina bagi not semibrif, minim, krocet dan kuaver. Berikut merupakan gambar rajah mengenai nilai not muzik dan pergerakan *step, pat* dan *clap* untuk not-not tersebut.

Jadual 3.1


Carta Not Muzik Tahun Empat

Simbol Not	Nama Not	Nilai Not
	Semibrif	4
	Minim	2
	Krocet	1
	Kuaver	1/2

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1 menunjukkan jenis not dan nilai not yang perlu dikuasai oleh murid Tahun Empat berdasarkan DSKP Pendidikan Muzik Tahun Empat. Pergerakan yang terkandung dalam teknik SPCR dirancang mengikut nilai not muzik tersebut.



Rajah 3.2. Pergerakan *Step* untuk Not Semibrif

Rajah 3.2 menunjukkan pergerakan *step* untuk not semibrif. Kaki kanan gelongsor ke hadapan dahulu, kemudian gelongsor lagi ke arah kanan, diikuti dengan gerakan gelongsor lagi ke belakang dan akhir sekali gelongsor balik ke tempat asal. Setiap pergerakan gelongsor itu mewakili satu kiraan dalam semibrif. Empat pergerakan gelongsor melambangkan empat kiraan dalam satu not semibrif. Kaki kiri pula tidak perlu bergerak.




Rajah 3.3. Pergerakan *Step* untuk Not Minim

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.3 menunjukkan pergerakan *step* untuk not minim. Kaki kanan gelongsor ke arah kanan selari dengan posisi kaki kiri yang berdiri dan kemudian gelongsor balik ke posisi asal. Dua kali gelongsor mewakili dua kiraan dalam satu not minim. Kaki kiri pula tidak melakukan sebarang pergerakan.



Rajah 3.4. Pergerakan *Pat* untuk Not Krocet

Rajah 3.4 menunjukkan pergerakan *pat* untuk not krocet. Kedua-dua tangan murid menepuk peha secara serentak. Satu tepukan peha melambangkan satu kiraan dalam not krocet. Oleh sebab krocet hanya satu kiraan sahaja, murid hanya menepuk sekali sahaja untuk satu not krocet.




Rajah 3.5. Pergerakan *Clap* untuk Not Kuaver

Rajah 3.5 menunjukkan pergerakan *clap* untuk not kuaver. Murid menepuk tangan sebanyak dua kali dengan laju. Dua kali tepukan dalam satu set melambangkan dua not kuaver.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.2 Langkah Pelaksanaan Intervensi



Rajah 3.6. Perancangan Pelaksanaan Intervensi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.3 Langkah-langkah Aktiviti Intervensi

Langkah 1 - Memperkenalkan pergerakan SPCR bagi bagi nilai not semibrif, minim, krocet dan kuaver

Latihan ini dijalankan selama 30 minit. Murid diperkenalkan dengan empat jenis not, iaitu semibrif, minim, krocet dan kuaver berserta dengan nilai not dengan menggunakan carta. Murid ditunjukkan dengan kad imbasan yang mempunyai gambar empat jenis not tersebut supaya mereka dapat mengenali rupa bentuk not-not tersebut dengan lebih jelas. Kad imbasan yang ditunjukkan hanya mempunyai bentuk not sahaja. Murid dikehendaki untuk mengecam jenis dan nilai not berdasarkan kad ditunjuk. Kemudian, murid dibimbing untuk mengaitkan sebutan irama dengan not-not tersebut. Contohnya sebutan irama "Ta-a-a-a" untuk nilai not semibrif, "Ta-a" untuk nilai not minim, "Ta" untuk nilai not krocet dan "ti-ti" untuk nilai not kuaver. Murid perlu mengenali not-not ditunjukkan dalam kad imbasan dan menyebut sebutan irama bagi not tersebut. Aktiviti ini diulang sebanyak tiga kali supaya murid dapat mengenali notasi dengan lebih cekap. Rasional memulakan aktiviti ini dengan latihan mengenali jenis dan nilai not kerana murid perlu memperkukuhkan pengetahuan asas dengan asas teori muzik terlebih dahulu sebelum menguasai kemahiran mencipta corak irama.

Langkah 2 - Melakukan pergerakan SPCR berdasarkan corak irama yang diberikan

Latihan ini dijalankan selama 30 minit. Aktiviti ini dimulakan dengan demonstrasi pergerakan SPCR bagi not semibrif, minim, krocet dan kuaver oleh pengkaji di hadapan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelas. Kemudian, murid dikehendaki untuk membuat pergerakan SPCR berdasarkan corak irama yang diberi. Aktiviti ini dilakukan secara individu dan berkumpulan. Aktiviti ini akan diulang sepanjang sesi pengajaran. Rasional murid mengulang latihan ini supaya murid dapat menguasai dan mengingati pergerakan *SPCR* untuk not-not tersebut.

Langkah 3 - Mencipta corak irama sambil melakukan pergerakan SPCR

Murid diberi 30 minit untuk mencipta corak irama meter empatan dengan bimbingan guru. Guru menunjukkan cara untuk mencipta corak irama mengikut empat kiraan dalam satu bar. Kemudian, murid akan mencuba untuk mencipta corak irama meter empatan dengan kreativiti sendiri. Contoh ciptaan corak irama adalah seperti berikut:



Rajah 3.7. Contoh Ciptaan Corak Irama Meter Empatan

3.4 Instrumen Kajian

Kajian ini merancang dan menggunakan tiga jenis instrumen kajian, iaitu ujian pra dan pasca, ujian amali dan pemerhatian berstruktur untuk memastikan data yang dikumpul dapat memberi bukti dan sokongan dalam menjawab persoalan-persoalan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Ujian Pra dan Pasca

Semua murid melibatkan diri dalam ujian ini sebelum dan selepas aktiviti intervensi kajian dijalankan. Ujian ini (Lampiran A) memberi fokus pada kemahiran mencipta corak irama. Ujian ini digunakan untuk menjawab persoalan kajian ketiga, iaitu mengkaji kemahiran mencipta corak irama meter empatan dengan menggunakan teknik *Step-Pat-Clap- Role* (SPCR). Data ujian pra dibandingbezakan dengan ujian pasca untuk melihat perbezaan pencapaian murid sebelum dan selepas aktiviti intervensi ini dijalankan.

Terdapat tiga soalan dalam ujian ini. Murid-murid dikehendaki untuk menjawab ketiga-tiga soalan tersebut dengan mencipta corak irama dalam meter empatan. Mereka tidak dibenarkan untuk berbincang antara satu sama lain. Kertas ujian ini hendaklah disiapkan dalam masa 20 minit dan kemudiannya dikutip semula untuk dianalisis oleh pengkaji.

Rubrik pemarkahan (Lampiran B) telah disediakan sebagai panduan semakan untuk ujian pra dan pasca. Skala Likert digunakan sebagai penanda untuk menilai pencapaian ujian ini, iaitu skor min antara 1 sehingga 3. Pencapaian skor min dibahagikan kepada tiga tahap, iaitu cemerlang (2.67-3.00), sederhana (1.34-2.66) dan lemah (0.00-1.33) seperti yang dinyatakan oleh Pallant (2007). Penggunaan skor min dalan ujian ini bertujuan untuk menerangkan tahap penguasaan murid Tahun Empat dalam kemahiran mencipta corak irama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.2 Ujian Amali

Ujian amali (Lampiran C) diberikan kepada murid sebelum menjalankan ujian pasca dan selepas aktiviti intervensi kajian dijalankan. Ujian ini digunakan untuk menjawab persoalan kajian kedua, iaitu mengkaji kemahiran memainkan corak irama meter empatan dengan menggunakan teknik *Step-Pat-Clap- Role* (SPCR). Terdapat tiga soalan corak irama dalam meter empatan yang berbeza disediakan untuk murid. Ujian ini dijalankan secara berkumpulan. Dua orang murid dalam satu kumpulan. Dalam satu kumpulan, dua orang akan menerima dua set soalan yang berbeza. Ujian ini akan bermula dengan set soalan A dan diikuti dengan set soalan B.

Dalam setiap kumpulan, seorang murid melakukan pergerakan SPCR berdasarkan corak irama yang diberi manakala seorang lagi menulis semula corak irama yang ditunjukkan oleh pasangannya ke dalam kertas yang disediakan untuk set soalan A. Kemudian, mereka bertukar peranan untuk menjalani set soalan B. Setiap soalan diberi masa 10 minit untuk menjawab. Rubrik pemarkahan(Lampiran D) juga disediakan sebagai panduan semakan untuk ujian amali. Skala Likert digunakan sebagai penanda untuk menilai pencapaian ujian amali, iaitu skor min antara 1 sehingga 3. Menurut Pallant (2007), pencapaian skor min dibahagikan kepada tiga tahap, iaitu cemerlang (2.67-3.00), sederhana (1.34-2.66) dan lemah (0.00-1.33). Penggunaan skor min dalan ujian ini bertujuan untuk menerangkan tahap penguasaan murid Tahun Empat dalam kemahiran mencipta corak irama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.3 Pemerhatian

Pemerhatian berstruktur (Lampiran E) digunakan dalam kajian ini untuk mengenalpasti kesan penggunaan teknik SPCR terhadap kemahiran murid mencipta corak irama meter empatan. Pemerhatian merupakan kaedah yang paling sesuai untuk memerhati perkembangan individu dalam sesuatu peristiwa yang dikaji (Atkinson & Hammersley, 1994). Perkara-perkara yang diperhatikan akan dicatat berdasarkan borang pemerhatian yang telah disediakan. Pemerhatian telah dibuat sebanyak dua kali, iaitu sebelum dan selepas pelaksanaan aktiviti intervensi kajian selama empat minggu. Data yang telah diisi dalam borang pemerhatian akan dianalisis dan dibandingkan dalam dapatan kajian.


Dalam kajian ini, pengkaji telah memerhati lima aspek sebelum dan semasa intervensi dijalankan, iaitu persediaan murid, tumpuan murid terhadap pengajaran dan pembelajaran, penglibatan murid secara aktif dalam aktiviti muzikal, penggunaan kaedah pengajaran yang menarik dan sistematik serta refleksi terhadap intervensi kajian. Melalui pemerhatian, pengkaji dapat menilai keberkesanan penggunaan teknik SPCR dalam meningkatkan kemahiran murid mencipta corak irama. Selain itu, pengkaji juga dapat melihat dan membandingbezakan perkembangan murid dan semasa intervensi kajian dijalankan. Catatan data dalam borang pemerhatian adalah tepat dan terperinci berdasarkan perkembangan setiap murid. Dengan ini, pengkaji dapat menilai keberkesanan teknik SPCR terhadap kemahiran murid mencipta corak irama secara individu dengan lebih teliti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.4 Kebolehpercayaan dan Kesahan Data

Kesahan data triangulasi digunakan untuk menyemak data kajian ini. Triangulasi ialah proses menggunakan pelbagai teknik pengumpulan data untuk meningkatkan kesahan data (Kartini, Shabudin, Rosli & Hisham, 2012). Kartini *et al* (2012) juga menyatakan bahawa proses triangulasi dilakukan berasaskan kepada tiga pendekatan, iaitu pengalaman (ujian amali), persoalan (pemerhatian), dan peperiksaan (ujian pra dan ujian pasca). Ketiga-tiga pengumpulan data dapat dikaitkan untuk mengesahkan ketulenan data yang dikumpulkan seperti yang dinyatakan dalam Rajah 3.8.



Rajah 3.8. Triangulasi

Ujian amali serta ujian pra dan pasca yang dibina dalam kajian ini telah mendapat kesahan daripada dua orang pensyarah daripada Jabatan Pendidikan Muzik, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, dua orang guru muzik yang berpengalaman dalam mengajar muzik di sekolah rendah dan seorang jurulatih utama Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi mata pelajaran Pendidikan Muzik. Kertas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ujian amali serta ujian pra dan pasca telah dimurnikan berdasarkan pandangan mereka agar dapat menjawab ketiga-tiga persoalan kajian.

3.5 Penganalisisan Data

Prosedur penganalisisan data adalah berdasarkan objektif dan soalan kajian yang ditetapkan. Pengkaji mengumpul data-data kajian dengan menggunakan ujian pra dan pasca, ujian amali dan pemerhatian. Data-data telah dikumpul, disusun dan dianalisis untuk menjawab persoalan-persoalan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.1 Ujian Pra dan Pasca

Cara untuk menganalisis ujian pra dan pasca adalah dengan melalui pemberian markah. Pemberian markah adalah berdasarkan rubrik pemarkahan (Lampiran B) yang telah disediakan mengikut skala Likert. Pencapaian skor min dikira mengikut soalan yang diberi. Bagi setiap item, min dikira melalui penambahan jumlah markah didapati oleh semua murid dan kemudiannya dibahagikan dengan jumlah bilangan murid, iaitu 20 orang murid seperti dalam Rajah 3.9. Data ini dibandingkan dengan data ujian pasca dalam bentuk graf bar untuk membuat perbandingan. Data daripada ujian ini digunakan untuk menjawab soalan kajian tiga, iaitu mengkaji kemahiran mencipta corak irama meter empatan dengan menggunakan teknik SPCR.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

$$\text{Min Mencipta Corak Irama} = \frac{\sum \text{min mencipta corak irama}}{\text{20 orang murid}}$$

Rajah 3.9. Pengiraan Min Mencipta Corak Irama

Rajah 3.9 menunjukkan cara pengiraan min mencipta corak irama untuk ujian pra dan pasca. Data yang diperolehi kemudiannya diterjemahkan dalam bentuk jadual untuk membuat perbandingan data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.2 Ujian Amali

Cara menganalisis ujian amali (Lampiran C) adalah dengan menggunakan taburan frekuensi. Taburan frekuensi merupakan analisis yang menunjukkan bilangan kali suatu nilai diperolehi dalam satu set data mentah (Kartini Abdul Mutalib *et al, 2012*). Jenis taburan frekuensi yang pengkaji gunakan ialah frekuensi tidak terkumpul, iaitu setiap nilai atau skor pembolehubah dalam taburan data berdiri sendiri. Data ini dipersembahkan dalam bentuk jadual yang merangkumi skor mentah dan skor frekuensi. Skor mentah murid, iaitu skor murid dalam ujian dinilai berdasarkan rubrik pemarkahan (Lampiran D) yang disediakan manakala skor frekuensi menunjukkan bilangan murid yang berjaya menjawab soalan dengan betul. Data boleh menunjukkan tahap penguasaan murid secara keseluruhannya dalam ujian ini. Data daripada ujian ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

digunakan untuk menjawab soalan kajian dua, iaitu mengkaji kemahiran memainkan corak irama meter empatan dengan menggunakan teknik SPCR.

3.5.3 Pemerhatian

Pemerhatian berstruktur (Lampiran E) dilakukan dengan menggunakan borang pemerhatian yang telah dibina berdasarkan objektif kajian. Pemerhatian berstruktur dijalankan sebanyak dua kali, iaitu sebelum dan semasa pelaksanaan aktiviti intervensi kajian. Selepas mengumpul data, pengkaji membuat analisis berdasarkan aspek-aspek yang terdapat dalam borang pemerhatian. Kemudian, data yang dianalisis daripada kedua-dua borang pemerhatian tersebut akan digunakan untuk membuat perbandingan. Cara menganalisis pemerhatian adalah secara kuantitatif dan disampaikan secara naratif. Data daripada pemerhatian ini digunakan untuk menjawab soalan kajian satu, iaitu mengenalpasti kesan penggunaan teknik SPCR terhadap sikap pembelajaran dan kemahiran murid dalam mencipta corak irama.

3.6 Kesimpulan

Bab ini menjelaskan dengan terperinci mengenai metodologi kajian yang merangkumi reka bentuk kajian, sampel kajian, intervensi kajian, instrumen kajian dan penganalisis data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.0 Pengenalan

Bab ini membentangkan dapatan kajian yang diperolehi daripada ujian pra dan pasca, ujian amali dan pemerhatian berstruktur yang dijalankan sepanjang pelaksanaan aktiviti intervensi kajian. Perkara-perkara yang dibincangkan termasuklah huraian mengenai penganalisisan data-data yang telah dikumpul daripada jawapan murid. Peningkatan pencapaian dalam ujian pasca dan ujian amali dijadikan sebagai ukuran untuk menilai keberkesanan teknik *Step-Pat-Clap-Role* (SPCR) dalam meningkatkan kemahiran murid mencipta corak irama manakala pemerhatian digunakan untuk mencatat perubahan tingkah-laku dan persepsi murid. Data-data tersebut merupakan keputusan statistik dan dikemukakan laporan dalam bentuk jadual dan graf.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Maklumat Demografi Sampel

Seramai 20 orang murid telah dipilih untuk mengambil bahagian dalam ujian ini berdasarkan empat syarat pemilihan sampel kajian yang ditetapkan, iaitu umur murid, tahap penguasaan murid dalam pendidikan muzik, pencapaian akademik dan latar belakang muzik murid. Mereka terdiri daripada 10 orang murid lelaki dan 10 orang murid perempuan daripada murid Tahun Empat yang menuntut di sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina terletak di Kuala Lumpur. Antara 20 orang murid yang terpilih, terdapat seorang murid lelaki dan seorang murid perempuan berbangsa Melayu manakala sembilan orang murid lelaki dan sembilan orang murid perempuan berbangsa Cina. Jadual 4.1 telah menerangkan secara terperinci tentang syarat pemilihan sampel kajian yang terpilih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1

Syarat Pemilihan Sampel Kajian

Bil.	Syarat Pemilihan Sampel	Penerangan
1	Umur	10 tahun
2	Tahap Penguasaan Pendidikan Muzik	Mencapai tahap penguasaan tiga, iaitu mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam aktiviti muzik
3	Pencapaian Akademik	Mencapai tahap penguasaan tiga, iaitu menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4	Latar Belakang Muzik	Tidak menghadiri kelas muzik tambahan di luar sekolah

Berdasarkan Jadual 4.1, hanya murid yang menepati empat syarat pemilihan tersebut layak dipilih sebagai sampel kajian. Oleh sebab tahun ini dilanda dengan pandemik *Covid-19* secara mengejut, pihak sekolah tidak dapat menjalankan ujian bertulis. Jadi, pentaksiran bilik darjah (PBD) telah menjadikan penilaian utama untuk menilai pencapaian murid dalam kurikulum dan kokurikulum pada tahun ini. Penilaian PBD dibahagikan kepada enam tahap penguasaan bermula daripada tahap penguasaan satu sehingga tahap penguasaan enam. Tahap penguasaan satu merupakan penguasaan paling lemah dan tahap penguasaan enam merupakan penguasaan paling tinggi. Sampel kajian terpilih berada dalam tahap penguasaan tiga, iaitu tahap penguasaan sederhana untuk semua subjek yang dipelajari. Selain itu, mereka juga tidak pernah menghadiri kelas muzik tambahan di luar sekolah. Semua ilmu pengetahuan mereka tentang subjek Muzik didapati dari kelas Muzik yang diadakan seminggu sekali di sekolah.

Untuk menjamin keselamatan dan kesihatan mereka, pengkaji telah memaklumkan perkara ini kepada ibu bapa murid, pihak sekolah dan Pejabat Pendidikan Wilayah Sentul. Selepas mendapat kebenaran dari Pejabat Pendidikan Wilayah Sentul, pihak sekolah telah mengedarkan surat kebenaran kepada ibu bapa murid berkenaan untuk ditandatangi. Kemudian, surat itu dikutip semula dan disimpan oleh pengkaji bagi tujuan dokumentasi. Pengkaji telah menggunakan sebuah dewan besar sekolah untuk menjalankan aktiviti intervensi kajian supaya jarak sosial murid dapat dijaga pada waktu pandemik *Covid-19* ini. Murid-murid tersebut akan disusun mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan iaitu, memakai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelitup muka dan mengekalkan jarak sosial satu meter antara satu sama lain. Tiada peralatan diperlukan sepanjang pelaksanaan intervensi kajian kerana murid hanya menggunakan tubuh badan mereka sendiri sebagai bahan bantu mengajar.

4.2 Analisis Dapatan Soalan Kajian

Analisis yang dilakukan adalah berkaitan dengan dapatan kajian yang diperolehi melalui tiga jenis instrumen kajian, iaitu ujian pra dan pasca, ujian amali dan pemerhatian. Perbincangan dalam analisis ini menjelas dan menjawab tiga persoalan kajian yang telah dikemukan di dalam Bab 1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1 Soalan Kajian Satu

Soalan kajian satu adalah untuk mengenalpasti kesan penggunaan teknik SPCR terhadap kemahiran murid dalam mencipta corak irama meter empatan. Instrumen kajian yang digunakan untuk menjawab soalan kajian ini ialah pemerhatian.

4.2.1.1 Pemerhatian

Dalam kajian ini, pemerhatian dilakukan sebelum dan semasa aktiviti intervensi kajian dijalankan untuk mengenalpasti kesan penggunaan teknik SPCR terhadap kemahiran murid dalam mencipta corak irama meter empatan. Pemerhatian ini dijalankan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebanyak dua kali dengan menggunakan borang pemerhatian yang sama untuk melihat perbezaan perkembangan murid dalam pembelajaran sebelum dan semasa intervensi dijalankan.

Pemerhatian kali pertama dijalankan sebelum pelaksanaan aktiviti intervensi. Pemerhatian dilakukan dengan menggunakan instrumen pemerhatian berstruktur dalam bentuk borang pemerhatian yang menggunakan jawapan "Ya" dan "Tidak". Data yang diperoleh daripada instrumen ini digunakan untuk membuat perbandingan. Berikut merupakan data yang telah dikumpulkan.

Jadual 4.2

Analisis Pemerhatian Sebelum Pelaksanaan Aktiviti Intervensi Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil.	Item	Sebelum	
		Ya	Tidak
1	Persediaan murid terhadap pembelajaran	2	18
2	Tumpuan murid terhadap pengajaran dan pembelajaran	4	16
3	Pengilbatan murid secara aktif dalam aktiviti muzikal	5	15
4	Penggunan kaedah pengajaran yang menarik dan sistematik	4	16
5	Refleksi terhadap intervensi kajian	0	20

Jadual 4.2 telah menunjukkan bahawa terdapat 18 orang murid tidak bersedia untuk memulakan pembelajaran sejurus guru memasuki kelas. Hanya empat orang murid memberi perhatian terhadap pengajaran guru dan lima orang murid melibatkan diri dengan aktif dalam aktiviti muzikal yang dijalankan. 16 orang murid menyatakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru tidak menarik yang menyebabkan kesemua sampel bersetuju bahawa kaedah ini tidak dapat membantu mereka untuk menguasai kemahiran mencipta corak irama.

Jadual 4.3

Analisis Pemerhatian Selepas Pelaksanaan Aktiviti Intervensi Kajian


Bil.	Item	Selepas	
		Ya	Tidak
1	Persediaan murid terhadap pembelajaran	20	0
2	Tumpuan murid terhadap pengajaran dan pembelajaran	20	0
3	Pengilbatan murid secara aktif dalam aktiviti muzikal	20	0
4	Penggunan kaedah pengajaran yang menarik dan sistematik	20	0
5	Refleksi terhadap intervensi kajian	20	0

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3 menunjukkan analisis pemerhatian kali kedua dijalankan selepas pelaksanaan aktiviti intervensi kajian. Analisis daripada Jadual 4.3 telah menunjukkan bahawa pengaplikasian teknik SPCR dalam pembelajaran dapat membantu murid untuk bersedia memulakan pembelajaran dan memberi perhatian terhadap pengajaran guru. Secara keseluruhannya, semua murid dapat melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti muzikal yang dijalankan. Pada akhir pengajaran, semua murid dapat mencipta corak irama mudah dalam meter empatan. Data yang dikumpul melalui dua helai borang pemerhatian, iaitu Jadual 4.2 dan Jadual 4.3 digunakan untuk membuat perbandingan bagi menunjukkan perubahan tingkah laku yang berlaku pada murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.1. Analisis Perbandingan Pemerhatian Sebelum dan Selepas Pelaksanaan Aktiviti Intervensi Kajian

Berdasarkan Rajah 4.1, terdapat perbezaan data yang ketara antara analisis pemerhatian sebelum dan selepas pelaksanaan aktiviti intervensi kajian. Kesemua murid telah mengubah persepsi dan tingkah laku mereka selepas aktiviti intervensi kajian dijalankan. Hal ini telah membuktikan bahawa penggunaan tubuh badan sebagai pendekatan utama dapat mendatangkan kesan positif dalam pembelajaran pendidikan muzik kerana ia melibatkan fikiran, tubuh dan emosi. Pembangunan kinestetik dapat menyempurnakan kemahiran badan. Apabila murid dapat bergerak mengikut corak irama, maka kemahiran yang dipelajari dapat disempurnakan.

Hasil daripada kajian telah menunjukkan bahawa murid gemar membuat pergerakan teknik SPCR selepas teknik ini diperkenalkan kepada mereka. Murid sekolah rendah lebih gemar untuk melakukan pergerakan apabila belajar muzik kerana ia menyediakan pengalaman muzikal kepada murid untuk memahami isi pengajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan lebih mendalam dan efektif. Secara tidak langsung, mereka telah memberi perhatian penuh terhadap pengajaran dan melibatkan diri dengan aktif dalam aktiviti muzikal. Murid yang boleh menumpukan perhatian dalam tempoh masa yang panjang dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Selain itu, guru yang bercakap sambil bergerak dapat meningkatkan tumpuan murid dalam kelas. Apabila pengkaji membuat demonstrasi pergerakan teknik SPCR di hadapan kelas, hal ini telah menimbulkan rasa ingin tahu dalam murid tentang isi pengajaran. Oleh itu, pembelajaran melalui pergerakan telah menarik minat murid di dalam kelas.

Hasil daripada analisis perbandingan pemerhatian juga menunjukkan bahawa murid dapat mencipta corak irama dengan kreativiti sendiri selepas menggunakan teknik SPCR. Gerakan dapat membantu murid untuk memahami elemen muzik Penerapan gerakan dalam pembelajaran irama boleh membantu murid untuk memahami hubungan antara elemen ruang dan waktu dengan keseimbangan badan. Dengan cara ini, murid dapat belajar irama dengan lebih efektif dengan menggunakan pergerakan tubuh badan dan seterusnya menghasilkan corak irama dengan kreativiti sendiri tanpa bantuan guru dan rakan.

4.2.2 Soalan Kajian Dua

Soalan kajian dua adalah untuk mengkaji kemahiran memainkan corak irama meter empatan dengan menggunakan teknik SPCR. Instrumen kajian yang digunakan untuk menjawab soalan kajian ini ialah ujian amali.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2.1 Ujian Amali

Selepas aktiviti intervensi kajian telah dijalankan, satu ujian lagi telah dilaksanakan untuk melihat hasil murid, iaitu ujian amali. Dalam ujian ini, murid dikehendaki mencipta tiga corak irama sepanjang empat bar dengan mengaplikasikan teknik SPCR. Ketiga-tiga corak irama ini mengandungi not muzik semibrif, minim, krocet dan kuaver. Berikut merupakan data yang telah dikumpulkan.

Jadual 4.4

Skor Frekuensi Ujian Amali

Skor Mentah (Markah ujian)	Skor Frekuensi (Bilangan murid)
3	14
2	6
1	0

05-4506 n Tuanku Bainun an Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada analisis data di atas, terdapat 14 orang murid daripada 20 orang murid mencapai skor tiga, enam orang murid pula mencapai skor dua dan akhir sekali tiada murid mendapat satu markah. Secara keseluruhan, data di atas telah menunjukkan bahawa kebanyakkan murid telah menguasai kemahiran mencipta corak irama dengan mengaplikasikan teknik SPCR. Walaupun terdapat enam orang murid yang masih kurang mahir dalam menguasai kemahiran tersebut, tetapi mereka masih boleh menguasainya dalam jangka masa yang lebih panjang seperti waktu cuti persekolahan mengikut keselesaan murid di tempat masing-masing. Kelebihan menggunakan teknik SPCR dalam pembelajaran ialah murid dapat terus berlatih teknik SPCR selepas aktiviti intevensi kajian dijalankan tanpa bantuan guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3 Soalan Kajian Tiga

Soalan kajian tiga adalah untuk mengkaji kemahiran mencipta corak irama meter empatan dengan menggunakan teknik SPCR. Instrumen kajian yang digunakan untuk menjawab soalan kajian ini ialah ujian pra dan pasca.

4.2.3.1 Ujian Pra dan Pasca

Ujian pra dan pasca yang berbentuk ujian bertulis telah dilaksanakan sebanyak dua kali, iaitu sebelum dan selepas aktiviti intervensi kajian dijalankan. Ujian ini merangkumi tiga soalan mencipta corak irama. Ujian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan teknik *Step-Pat-Clap-Role* (SPCR) dalam meningkatkan kemahiran murid mencipta corak irama mudah. Ujian ini dijalankan oleh pengkaji terhadap 20 orang murid Tahun Empat yang terpilih. Ujian pra bertujuan untuk mencatat pencapaian awal murid sebelum diberi rawatan. Penilaian skor min digunakan dalan ujian ini bertujuan untuk menilai pencapaian murid secara keseluruhan. Ujian ini diberikan kepada murid sebaik sahaja mereka masuk ke dalam dewan dan bersedia di tempat duduk masing-masing. Setelah murid mendapat kertas ujian, mereka menerima taklimat ringkas tentang arahan dan kandungan kertas ujian sebelum menjawab soalan. Ujian ini mengambil masa 20 minit untuk menjawab ketiga-tiga soalan mencipta corak irama.

Setelah menjawab ujian pra, pengkaji terus menjalani aktiviti intervensi kajian yang menggunakan teknik SPCR untuk menguasai kemahiran corak irama. Aktiviti intervensi kajian dijalankan selama tiga minggu dan ia merangkumi tiga langkah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelaksanaan aktiviti, iaitu memperkenalkan pergerakan SPCR bagi nilai not semibrif, minim, krocet dan kuaver, melakukan pergerakan SPCR berdasarkan corak irama yang diberikan dan mencipta corak irama sambil melakukan pergerakan SPCR. Peruntukan masa untuk melaksanakan ketiga-tiga langkah aktiviti intervensi kajian ini ialah 30 minit seminggu. Langkah pertama dijalankan pada minggu pertama, langkah kedua dijalankan pada minggu kedua dan langkah ketiga dijalankan pada minggu ketiga. Kemudian, murid diberi ujian amali sebaik sahaja aktiviti intervensi kajian tamat.

Ujian pasca pula diberikan kepada murid sebaik sahaja murid menyiapkan ujian amali. Ujian ini bertujuan untuk mencatat pencapaian murid selepas diberi rawatan. Reka bentuk ujian dan pelaksanaannya sama seperti ujian pra. Analisis daripada data ujian pra dan ujian pasca kemudian digunakan untuk membuat perbandingan bagi melihat perbezaan pencapaian murid sebelum dan selepas rawatan kajian diberi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3.2 Analisis Ujian Pra

Ujian pra dilaksanakan untuk mengetahui tahap pencapaian awal murid sebelum mengikut rawatan kajian. Ujian ini dijalankan pada minggu pertama sebelum murid menyertai aktiviti intervensi kajian yang mengaplikasikan teknik SPCR. Dalam ujian ini, murid perlu menjawab tiga soalan mencipta corak irama dalam masa 20 minit dengan menggunakan not muzik semibrif, minim, krocet dan kuaver. Berikut merupakan keputusan yang direkod daripada ujian pra. Seramai 20 orang murid telah menjalani ujian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5

Min Pencapaian Ujian Pra

Bil.	Item	Min
1	Mencipta corak irama (1) dalam meter empatan sepanjang empat bar	1.15
2	Mencipta corak irama (2) dalam meter empatan sepanjang empat bar	1.00
3	Mencipta corak irama (3) dalam meter empatan sepanjang empat bar	1.10

Nota, 1 = lemah; 2 = sederhana; 3 = cemerlang. Diadaptasi dari *Pallant*, 2007

Berdasarkan data dalam Jadual 4.5, murid mencapai skor min 1.15 untuk corak irama satu, skor min 1.00 untuk corak irama dua dan skor min 1.10 untuk corak irama tiga. Keputusan di atas menunjukkan bahawa murid lemah dari segi menguasai kemahiran mencipta corak irama. Semua murid berada di tahap lemah, iaitu dalam lingkungan skor min antara 1.00 hingga 1.15.

4.2.3.3 Analisis Ujian Pasca

Ujian Pasca dilaksanakan untuk mencatat perubahan prestasi murid selepas mengikuti rawatan kajian dan ujian amali. Teknik SPCR digunakan sebagai rawatan kajian untuk meningkatkan kemahiran murid mencipta corak irama. Murid telah mengikuti aktiviti intervensi kajian yang mengaplikasikan Teknik SPCR dalam pembelajaran selama tiga minggu. Pada minggu terakhir, murid diberi ujian pasca selepas menyiapkan ujian amali. Dalam ujian ini, murid perlu menjawab tiga soalan tentang penciptaan corak irama dalam masa 20 minit dengan menggunakan teknik SPCR seperti dalam Lampiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

A. Teknik SPCR telah memperkenalkan empat jenis pergerakan yang berbeza untuk empat jenis not muzik, iaitu pergerakan gelongsor kaki untuk not semibrif dan not minim, tepuk peha untuk not krocet dan tepuk tangan untuk not kuaver. Berikut merupakan keputusan yang direkod daripada ujian pasca.

Jadual 4.6

Min Pencapaian Ujian Pasca

Bil.	**Item**	**Min**
1	Mencipta corak irama (1) dalam meter empatan sepanjang empat bar	2.70
2	Mencipta corak irama (2) dalam meter empatan sepanjang empat bar	2.75
3	Mencipta corak irama (3) dalam meter empatan sepanjang empat bar	2.65

Nota, 1 = lemah; 2 = sederhana; 3 = cemerlang. Diadaptasi dari *Pallant*, 2007

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Berdasarkan data dalam Jadual 4.6, murid telah mencapai skor min yang tinggi dalam ujian ini. Pencapaian skor murid tertinggi dalam ujian ini ialah 2.75 untuk corak irama (2). Corak irama (1), telah mencapai skor min 2.70 manakala Corak irama (3) telah mencapai skor min 2.65. Keputusan di atas menyatakan bahawa semua murid telah menguasai kemahiran mencipta corak irama dengan mengaplikasikan teknik SPCR. Mengikut pentaksiran bilik darjah (PBD) di sekolah, mereka berada di tahap penguasaan lima untuk tajuk corak irama, iaitu mengimprovisasikan idea muzik dalam penciptaan corak irama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3.4 Analisis Perbandingan Pencapaian Murid dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca

Analisis data daripada Ujian Pra dan Ujian Pasca digunakan untuk membuat perbandingan bagi melihat perbezaan pencapaian murid sebelum dan selepas mengikuti aktiviti intervensi kajian. Rajah 4.2 telah menunjukkan perbezaan skor min ujian pra dan ujian pasca yang telah dijalankan.



Rajah 4.2. Perbandingan Skor Min Ujian Pra dan Ujian Pasca

Rajah 4.2 menunjukkan perbezaan skor min ujian pra dan ujian pasca yang dijalankan sebelum dan selepas pelaksanaan aktiviti intervensi kajian. Berdasarkan data di atas, didapati bahawa murid telah mencapai keputusan yang lemah dalam ujian pra, iaitu skor min 1.15, 1.00 dan 1.10 untuk corak irama satu, dua dan tiga. Manakala dalam ujian pasca pula, murid telah menunjukkan peningkatan yang ketara dengan mencapai keputusan yang baik, iaitu skor min 2.70, 2.75 dan 2.65 bagi semua corak irama tersebut. Bacaan skor min secara keseluruhan telah menunjukkan peningkatan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

amat baik kerana murid telah menunjukkan peningkatan skor min yang tinggi, iaitu 1.55 untuk corak irama satu dan tiga serta 1.75 untuk corak irama dua setelah pelaksanaan aktiviti intervensi kajian. Pencapaian ini membuktikan bahawa aktiviti intervensi kajian yang menggunakan teknik SPCR telah membantu murid untuk menguasai kemahiran mencipta corak irama dengan baik.

4.3 Kesimpulan

Hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada tiga jenis instrumen, iaitu ujian pra dan pasca, ujian amali serta pemerhatian berstruktur telah menjawab ketiga-tiga persoalan kajian pada awal penulisan ini. Berdasarkan analisis data ini boleh dirumuskan bahawa terdapat peningkatan dari segi pencapaian murid dalam menguasai kemahiran mencipta corak irama selepas aktiviti intervensi dijalankan. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan perubahan tingkah laku murid dalam pembelajaran bagi tajuk corak irama apabila mereka menunjukkan minat belajar yang tinggi dalam sesi pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

RUMUSAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.0 Pengenalan

Bab ini tertumpu kepada perbincangan dapatan kajian. Bab ini merangkumi lima bahagian iaitu rumusan kajian, perbincangan hasil kajian, implikasi kajian, cadangan kajian dan kesimpulan.

5.1 Rumusan Kajian

Dapatan kajian telah membuktikan bahawa teknik *Step-Pat-Clap-Role (SPCR)* dapat meningkatkan kemahiran murid dalam mencipta corak irama. Pergerakan badan dalam teknik SPCR telah mewujudkan keseronokan dalam sesi pembelajaran. Murid kelihatan lebih yakin dan aktif jika dibandingkan dengan pembelajaran dalam kelas sebelum

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan teknik SPCR. Hal ini demikian kerana teknik SPCR telah meningkatkan pemahaman murid terhadap teori muzik, iaitu mengenali nilai not muzik. Heldisari (2020) dalam kajiannya mengatakan bahawa irama terbentuk daripada sesuatu susunan not muzik dan not rehat muzik mengikut meter. Semasa menulis corak irama, meter penting untuk menentukan sukatan nilai not dalam setiap bar supaya menepati bilangan detik yang ditetapkan mengikut meter yang digunakan. Oleh itu, sekiranya murid tidak dapat mengenali nilai not muzik, maka murid itu akan ketinggalan jauh dalam mengikuti pengajaran mencipta corak irama.

Data-data yang dianalisis daripada ujian pra dan pasca, ujian amali dan pemerhatian berstruktur telah berjaya menjawab tiga persoalan kajian. Persoalan kajian pertama, iaitu mengenalpasti nilai not semibrif, minim, krocet dan kuaver dengan menggunakan teknik SPCR telah dijawab dengan teknik SPCR. Terdapat empat jenis pergerakan tubuh badan telah diperkenalkan dalam teknik SPCR, iaitu pergerakan gelongsor kaki untuk not semibrif dan minim, tepuk peha untuk not krocet dan tepuk tangan untuk not kuaver. Pergerakan tersebut telah membantu murid untuk mengingati dan memahami nilai not muzik semibrif, minim, krocet dan kuaver. Persoalan kajian kedua, iaitu mengkaji kemahiran memainkan corak irama meter empatan dengan menggunakan teknik SPCR telah dijawab dalam ujian amali. Pencapaian murid yang cemerlang dalam ujian amali telah membuktikan bahawa teknik SPCR dapat meningkatkan kemahiran murid dalam memainkan corak irama. Persoalan kajian ketiga, iaitu mengkaji kemahiran mencipta corak irama meter empatan dengan menggunakan teknik SPCR telah dijawab dalam ujian pasca. Peningkatan skor min yang tinggi dalam ujian pasca telah membuktikan bahawa teknik SPCR dapat meningkatkan kemahiran murid dalam mencipta corak irama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Perbincangan Hasil Kajian

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017 merupakan persediaan bagi melahirkan murid yang berfikiran kritis, kreatif dan inovatif. Menerusi suntikan baharu yang sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), murid diterapkan dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). KBAT diintegrasikan dalam semua mata pelajaran termasuklah pendidikan muzik dan ia merupakan satu cabaran kepada guru untuk melaksanakan proses pembelajaran berdaya fikir. Teknik Step-Pat-Clap-Role (SPCR) boleh digunakan oleh guru dalam pengajaran pendidikan muzik untuk memperkembangkan kemahiran berfikir murid secara kreatif, inovatif dan reflektif. Hal ini terbukti apabila hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa murid mempunyai peningkatan yang ketara selepas mengaplikasikan teknik SPCR untuk mencipta corak irama dengan kreativiti sendiri tanpa bantuan daripada guru dan rakan.

Teknik Step-Pat-Clap-Role (SPCR) membantu murid untuk memahami kiraan nilai not muzik semibrif, minim, krocet dan kuaver melalui pergerakan badan dan seterusnya menggunakan not-not muzik tersebut untuk mencipta corak irama. Teknik ini merupakan adaptasi daripada pendekatan *Eurhythmics* yang diperkenalkan oleh Emile Jaques-Dalcroze. Menurut kajian Utomo (2015), beliau menyatakan bahawa *Eurhythmics* adalah satu model pembelajaran seni muzik yang menggunakan pergerakan tubuh badan untuk mempelajari irama dan dinamik. Teknik pengajaran ini sesuai dengan murid sekolah rendah kerana ia memberi pengalaman muzikal dan kegembiraan semasa murid belajar. Oleh itu, *Eurhythmics* boleh menjadi jawapan untuk mengekspresikan diri dan mengatasi masalah memahami konsep muzik untuk murid pada zaman sekarang (Chairunnisaa et al., 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teknik Step-Pat-Clap-Role (SPCR) yang digunakan dalam aktiviti intervensi kajian merupakan medium yang berkesan dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) subjek Muzik bagi murid Tahun Empat. Teknik SPCR digunakan sebagai bahan bantu dapat membantu guru untuk meningkatkan kemahiran mencipta corak irama dalam kalangan murid yang lemah. Penggunaan pergerakan tubuh badan dalam pembelajaran irama dapat membantu murid untuk belajar irama dan muzik secara menyeluruh (Daley, 2013). Peningkatan pencapaian skor min murid sebanyak 1.75 dalam ujian pasca telah membuktikan bahawa keberkesanan teknik SPCR untuk meningkatkan kemahiran mencipta corak irama. Hal ini demikian kerana murid memerlukan rangsangan tubuh badan dalam perkembangan kognitif untuk menerima maklumat-maklumat baru dan menghasilkan kefahaman terhadap maklumat yang diterima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah dan teknik PdPc yang dipilih untuk digunakan dalam PdPc merupakan elemen yang paling penting supaya objektif pembelajaran tercapai. Pemilihan kaedah dan teknik yang sesuai dalam proses PdPc mampu mewujudkan suasana pembelajaran kemahiran muzikal yang kondusif. Dopo (2017) dalam kajiannya menyatakan bahawa penggunaan tubuh badan dalam pembelajaran muzik dapat mencari keselarasan antara tubuh dan fikiran yang menyumbang kepada peningkatan ingatan murid tentang isi pengajaran yang dipelajari. Pergerakan tubuh badan yang terdapat dalam teknik SPCR menjadi fokus utama murid untuk memahami konsep asas mencipta corak dan mengingat nilai not muzik semibrif, minim, krocet dan kuaver. Melalui pemerhatian dalam pelaksanaan aktiviti intervensi kajian, murid didapati teruja dan menunjukkan minat belajar yang tinggi serta berani untuk cuba menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru. Perubahan tingkah laku murid telah membuka minda murid untuk belajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melalui pergerakan badan. Secara tidak langsung, hal ini dapat membantu murid untuk menguasai kemahiran mencipta corak irama.

Penggunaan teknik SPCR dalam aktiviti mencipta corak irama juga telah meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran. Melalui analisis data ujian amali dan pemerhatian, murid didapati mempunyai semangat yang tinggi untuk menjawab soalan dalam ujian tersebut. Hal ini juga terbukti dalam hasil dapatan kajian Juntunen (2020) yang menunjukkan pencapaian positif murid dalam pembelajaran irama dengan menggunakan pergerakan tubuh badan. Walaupun sebahagian murid menghadapi kesusahan untuk menjawab soalan pada awalnya, tetapi mereka tidak pernah berputus asa untuk menjawab soalan. Malah mereka telah membuat banyak kali percubaan dengan usaha sendiri sehingga mendapatkan jawapan yang betul. Teknik SPCR telah meningkatkan semangat murid untuk menguasai kemahiran mencipta irama. Di samping itu, teknik SPCR ini juga telah menimbulkan perasaan ingin tahu murid dalam pembelajaran tajuk corak irama kerana ia membantu mereka untuk memahami dan mengingat notasi muzik dan kemahiran mencipta corak irama.

Tuntasnya, teknik SPCR sesuai digunakan sebagai bahan bantu mengajar untuk mengajar tajuk corak irama bagi murid Tahun Empat. Murid boleh ingat nilai not muzik semibrif, minim, krocet dan kuaver melalui teknik SPCR. Dapatan kajian ini selaras dengan hasil kajian Sutela *et al.*, (2020) yang menyatakan bahawa seseorang individu boleh meneroka muzik dengan melakukan gerakan seperti berjalan, bergalop dan melompat mengikut irama lagu supaya mereka berasa lebih senang untuk menghargai dan mencintai muzik melalui cara ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Implikasi Kajian

5.3.1 Implikasi Terhadap Pembelajaran Muzik

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa teknik *Step-Pat-Clap-Role (SPCR)* memberi kesan positif kepada murid. Murid mendapat pencapaian rendah dalam kemahiran mencipta corak irama telah menunjukkan peningkatan pencapaian yang ketara selepas menggunakan teknik SPCR dalam pembelajaran. Oleh itu, teknik SPCR dapat digunakan oleh guru muzik untuk mengajar tajuk corak irama bagi murid Tahun Empat. Penggunaan teknik SPCR dapat memperkembangkan pemikiran murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif dengan membuat perkaitan peristiwa pembelajaran dalam kehidupan seharian supaya mereka dapat memahami isi pengajaran dengan lebih mendalam. Selain itu, teknik SPCR juga dapat menggalakkan untuk murid melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti muzikal di samping mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Selaras dengan pendapat Nainggolan (2017) pergerakan tubuh badan boleh meningkatkan perkembangan kognitif kanak-kanak dan kreativiti gerakan individu. Dapatan daripada kajian Wang (2008) juga mendapati bahawa murid-murid telah menunjukkan peningkatan prestasi yang baik dalam pembelajaran tajuk irama dengan menggunakan pergerakan tubuh badan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.2 Implikasi Terhadap Pengajaran Guru

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa teknik SPCR telah meningkatkan kemahiran mencipta corak irama dalam kalangan murid Tahun Empat. Analisis daripada data kajian yang dikumpul membuktikan bahawa teknik SPCR dapat memberi kesan yang positif bukan sahaja terhadap pencapaian murid, malah juga terhadap pengajaran guru. Implikasi kajian ini memerlukan para guru melakukan anjakan daripada pengajaran berpusatkan guru kepada pengajaran yang mempelbagaikan pendekatan (Ismail *et al*., 2020). Saad *et al.* (2012) dalam kajiannya menyatakan bahawa guru bertanggungjawab untuk memberi pendidikan kepada murid menerusi pelbagai pendekatan terkindan untuk mencabar kompetensi dan kemahiran berfikir murid. Selain itu, teknik SPCR juga boleh dijadikan sebagai alat untuk menilai tahap kefahaman murid di dalam bilik darjah. Data penilaian ini boleh digunakan untuk mengisi pentaksiran bilik darjah di sekolah. Hal ini demikian kerana teknik SPCR merupakan sejenis alat penilaian yang lebih terancang dan mempunyai pelbagai fungsi berbanding dengan alat berfikir yang lain. Dengan menggunakan teknik SPCR, murid dapat mengukuhkan kemahiran asas terlebih dahulu sebelum mengaplikasikan kemahiran asas tersebut dalam aktiviti muzikal yang lebih mencabar di samping membimbing murid untuk membuat perkaitan peristiwa sebelum, semasa dan selepas PdPC.

5.3.3 Implikasi Terhadap Bahan Bantu Belajar

Dapatan kajian menyatakan bahawa teknik SPCR merupakan bahan bantu mengajar yang sesuai digunakan dalam kelas terutamanya pada waktu pandemik *Covid-19* yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

baru melanda di Malaysia pada tahun ini. Teknik SPCR menerapkan unsur pembelajaran kendiri di mana ia memberi ruang dan peluang kepada murid untuk belajar mengikut keselesaan dan tahap penguasaan sendiri sendiri. Mengikut Makhsin (2012), beliau mengatakan bahawa pembelajaran kendiri boleh membantu murid menjadi lebih berkeyakinan dan berdikari untuk mencari jawapan dan menyelesaikan masalah tanpa mengharapkan bantuan daripada guru. Murid boleh melakukan pergerakan teknik SPCR di tempat masing-masing tanpa bersentuh dengan orang lain. Murid juga dapat mengambil masa sendiri untuk belajar teknik itu tanpa menerima tekanan daripada faktor sekeliling. Tambahan pula, teknik SPCR dirancang dan disusun dengan menggabungkan konsep pengetahuan sedia ada dalam struktur kognitif murid. Oleh itu, teknik ini dapat menarik minat murid untuk melibatkan diri dalam aktiviti muzikal dengan aktif. Penglibatan murid dalam aktiviti pengajaran boleh menentukan pencapaian objektif pembelajaran mereka pada hari tersebut. Kepuasan guru terhadap pencapaian murid dapat menggalakkan guru untuk menggunakan kreativiti dalam PdPc tanpa rasa jemu.

5.4 Cadangan Kajian

Kajian ini telah menunjukkan hasil dapatan kajian yang positif dan berkesan. Melalui ujian dan pemerhatian yang telah dijalankan, terdapat peningkatan dari segi prestasi murid dan perubahan persepsi murid yang positif terhadap tajuk corak irama. Oleh itu, bab ini memberi cadangan kepada tiga pihak, iaitu guru, murid dan penyelidik supaya kajian lanjutan dapat dijalankan dengan lebih baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.1 Cadangan kepada Pihak Guru

Kajian Levinowitz (1998) menunjukkan bahawa muzik mampu mengukuhkan ingatan seseorang individu untuk menghafal sesuatu melalui irama bukan sekadar di peringkat kanak-kanak, malah juga orang dewasa. Ini merupakan peluang yang baik untuk menerapkan ilmu pengetahuan kepada kanak-kanak melalui muzik pada peringkat awal kerana ia boleh bertahan lebih lama dalam ingatan mereka. Oleh itu, guru merupakan faktor utama menyumbang kepada kecemerlangan murid dalam akademik. Setiap guru perlu meningkatkan keberkesanan PdPc di dalam kelas melalui pemilihan bahan bantu mengajar dan strategi pengajaran yang sesuai dengan tahap penguasaan murid. Penggunaan bahan bantu mengajar yang menarik dan sistematik dapat meningkatkan kefahaman murid terhadap kemahiran pada setiap isi pelajaran. Guru muzik haruslah mengambil peluang ini untuk memperbaiki proses PdPc di dalam kelas agar murid lebih berminat untuk mempelajari kemahiran muzikal. Penggunaan teknik SPCR tidak terhad dalam tajuk corak irama, malah ia juga boleh diguna pakai pada tajuk lain dalam Pendidikan Muzik Tahun Empat seperti teori muzik, permainan alat perkusi dan rekorder.

5.4.2 Cadangan kepada Pihak Sekolah

Pihak sekolah terutamanya guru besar haruslah menggalakkan guru muzik untuk melakukan inovasi dalam penyampaian proses PdPc di dalam kelas untuk meningkatkan kualiti PdPc ke arah yang lebih efektif, fleksibel dan sesuai dengan perkembangan arus perubahan pendidikan negara terutamanya dalam penggunaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahan bantu mengajar. Untuk mencapai tujuan ini, pihak pentadbir sekolah juga perlu memberi peluang kepada guru muzik untuk melibatkan diri dengan lebih aktif dalam kursus muzik yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Selain itu, peluang sebegini juga haruslah dibuka kepada murid-murid untuk menyertai pelbagai jenis pertandingan muzikal yang dianjurkan supaya murid boleh mendapat mengumpul pengalaman muzikal yang banyak pada peringkat awal tahun. Dengan ini, guru dan murid boleh belajar muzik daripada pelbagai platform dan bukan hanya bergantung kepada kelas muzik di sekolah sahaja.

5.4.3 Cadangan kepada Pihak Penyelidik

Kajian ini telah dijalankan terhadap murid yang mengalami masalah dalam mencipta corak irama. Oleh yang demikian, cadangan kajian seterusnya tertumpu pada kumpulan sasaran lebih besar yang melibatkan murid Tahun Lima dan Tahun Enam. Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Muzik Tahun Empat, Tahun Lima dan Tahun Enam, murid-murid perlu menguasai kemahiran mencipta corak irama. Suatu kajian yang dijalankan pada kumpulan sasaran yang lebih ramai dapat menunjukkan proses pemulihan yang lebih berkesan dan memberikan kepuasan kepada pengkaji. Pengkaji juga disarankan untuk melakukan kajian lanjutan menggunakan pendekatan bercantum, iaitu kuantitatif dan kualitatif. Hal ini demikian kerana pendekatan ini boleh menambahkan lagi kekayaan data kajian dan menyempurnakan kekangan dan kekurangan data yang diperolehi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 Kesimpulan

Secara umumnya, penggunaan teknik Step-Pat-Clap-Role (SPCR) dapat meningkatkan kemahiran mencipta corak irama dalam kalangan murid. Selain itu, teknik ini dapat meningkatkan minat murid untuk belajar kemahiran muzikal. Kajian ini juga telah membuktikan bahawa teknik SPCR dapat meningkatkan pemahaman murid untuk mengenali nilai notasi muzik dan mengaplikasikannya dalam aktiviti mencipta corak irama. Hasil dapatan kajian ini juga dapat membantu warga pendidik untuk memperbaiki mutu dan kualiti PdPc pendidikan muzik dengan mengurangkan jurang perbezaan tahap penguasaan murid di samping membimbing murid yang lemah dalam pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Abdullah, M. H., Sulong, M. A., & Abdul, M. (2020). Development and validation of the music education teaching practice e-supervision system using the Google Classroom application. *International Journal of Innovation, Creativity and Change, 11*(10), 102-106.

Abdul, M. A., Ismail, H., Mohamad, I., & Osman, Z. (2019). Perkembangan emosi kanak-kanak menggunakan kaedah pengajaran berasaskan aktiviti muzik. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, 8*, 17-23.

Abril, C. R. (2011). 'Music, movement, and learning', in R. Colwell and P. R.Webster (eds), *The MENC Handbook of Research in Music Learning, Volume 2: Applications*. New York: Oxford University Press, pp. 92–129.

Altenmüller, E. (2015). Émile Jaques-Dalcroze as a visionary of modern brain sciences. His anticipation of multisensory-motor integration, audiation and embodiment. *Le Rythme*, pp. 70–81.

Anderson, L. W. & Krathwohl, D. R. (2001). *A taxonomy for learning, teaching, and assesing: A revision of bloom's taxonomy of educational objectives*. New York: Addison Wesley Longman, Inc.

Anderson, L. W.& Krathwohl, D. R. (2010). *Asesmen: Revisi Taksonomi Pendidikan Bloom*. Pustaka Pelajar, Yogyakarta.

Ang Huat Bin (2000). *Konsep dan kaedah pengajaran dengan penekanan pendidikan inklusif*. Kuala Lumpur: Utusan Pub.& Distributors Sdn.Bhd.

Atkinson, P., & Hammersley, M. (1994). *Etnografía*. Métodos de investigación.

Barbot, B., Besancon, M., & Lubart, T. I. (2011). Assessing creativity in the classroom. *The Open Education Journal. 4*(1):58-66.

Baker, Bruce D. (2006). Evaluating the reliability, validity, and usefulness of education cost studies. *Journal of Education Finance, 32*(2), 170-201.

Caldwell, T. (1993). A Dalcroze perspective on skills for learning. *Educational Journal 79*(7), 27-28.

Campbell, P. S. (1991), 'Rhythmic movement and public school music education: Conservative and progressive views of the formative years. *Journal of Research in Music Education, 39*(1), pp. 12–22.

Chairunnisaa, C., Respati, R., & Mulyadiprana, A. Pengenalan Pembelajaran Irama Model Eurhytmic di Sekolah Dasar. PEDADIDAKTIKA*: Jurnal Ilmiah Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, *7*(2), 199-209.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Chan, C. J., & Kwan, S. S. (2010). Implementation of music in government preschools in Malaysia: Music activities, teachers' perceptions and teachers' self-efficacy. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities, 18,* 209-225.

Choksy L. (1981). The Kodaly context: *Creating an environment for musical learning*. New Jersey: Prentice Hall.

Daley, Caron. (2013). Moved to Learn: *Dalcroze applications to choral pedagogy and practice*. Faculty of Music University of Toronto.

Daud, N. B. M., Ahmad, A. R., & Yakub, N. M. (2016, January). Pembelajaran berteraskan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah. In *Proceeding 7th International Seminar on Regional Education* (Vol. 1, pp. 352-360).

Dopo, F. B. (2018). Pengembangan metode pembelajaran seni musik untuk anak dalam perspektif Eurhythmic Dalcroze: Suatu tinjauan evaluatif. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Citra Bakti, 165-171.*

Haddad, M. Z., & Heong, Y. M. (2020). Music and Education Efficiency: A Systematic Review. *Talent Development & Excellence*, *12*(1).

Hamisan Salim. (2010). *Penggunaan muzik dalam pembelajaran dan pengajaran kerja amali kemahiran hidup sekolah rendah. Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.

Hanses, Kristen S. A. (2006). Musical game for every age-group. *Teaching Music, 9*(1).

Harriska. (2018). Musik senggayung desa gerai kabupaten ketapang: Kajian bentuk dan identitas budaya. *Resital Jurnal Seni Pertunjukan, 19*(3).

Harun, N. H. B., Rahman, M. N. A., Mansor, M. A., & Muhamad, N. A. (2020). Pengurusan pengajaran dan pembelajaran berasaskan kreativiti orang asli dalam meningkatkan kecerdasan kanak-kanak prasekolah. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan, 7*(1), 66-76.

Heldisari, H. P. (2020). Efektivitas metode eurhythmic dalcroze terhadap kemampuan membaca ritmis notasi musik. *Jurnal Imiah Pendidikan dan Pembelajaran, 4*(3).

Gonzalez-Mena, J. (2011). *Foundation of early childhood education: Teaching children in a diverse society*. New York: Mc Graw Hill.

Ikhsan, O., & Norila, M.S. (2005). *Kurikulum & pengajaran sekolah rendah, aspek-aspek yang berkaitan*. Tanjong Malim: Quantum Books.

Ismail, M. J. B. (2017). Keberkesanan pendekatan muzik Dalcroze dalam meningkatkan kemahiran koordinasi muzik murid-murid Tahun 4 di kawasan bandar.*Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 2*(1), 53-64.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ismail, M. J. B., Yusuf, R. B., & Chiat, L. F. (2018). Aktiviti muzikal yang sesuai dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran muzik murid-murid pintar dan berbakat di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 3*(5), 30-40.

Ismail, M. J., Anuar, A. F., & Kamis, M. S. (2020). Divergent thinking in musically gifted practices: A review. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities, 1*(5), 13-26.

Jasmi, K. A. (2012). Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif, Siri 1 2012*, 1-6.

Jeong, J-E. (2005). *Adaptation of Dalcroze methodology to the teaching of music to kindergarten students in Korea. D.M.A.* Dissertation Boston University, Massachusetts. Retrieved February 11, 2008, from ProQuest Digital Dissertations database.

Jones, J. D. (2018). Scaffolding the Dalcroze approach. *General Music Today, 32, 5-12.* http://doi.org/10.1177/1048371318770821

Juntunen & Westerlund (2011). The legacy of music education methods in teacher education: The metanarrative of Dalcroze Eurhythmics as a case. *Research Studies in Music Education, 33*(1), pp. 47–58.

Juntunen, M. L. (2016). The Dalcroze approach. Experiencing and knowing music through embodied exploration. In *Approaches to Teaching General Music: Methods, Issues and Viewpoints, 141-167.*

Juntunen, M. L. (2020). Ways to enhance embodies learning in Dalcroze-inspired music education. *International Journal of Music in Early Childhood, 15*(1), 39-59.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1983*). Buku panduan muzik KBSR untuk Tahap I dan Tahap II*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2010). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR): Tahun Satu*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2017). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR): Tahun Dua*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2017). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan.* Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kenny, A. (2017). Beginning a journey with music education: voices from pre-service primary teachers. *Music Education Research, 19*(2): 111 - 122.

Krumhansl, C. L. (2000). *Rhythm and pitch in music cognition*. Psychological Bulletin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Larry, B., Christensen, R., Johnson, B., & Turner, L. A. (2013). *Research methods, design and analysis*. New York: Pearson.

Levinowitz, L. M. (1998). The importance of music in early childhood. *General Music Today, 12*(1), 4-7.

M Fairuz Rosyid, R., & Baroroh, U. (2020). Teori belajar kognitif dan implikasinya dalam pembelajaran bahasa Arab. Lisanuna: *Jurnal Ilmu Bahasa Arab dan Pembelajarannya, 9*(1), 92-110.

Mahzan Arshad. (2012). *Pendidikan literasi awal kanak-kanak. teori dan amali*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Makhsin, M., Tamuri, A. H., Noh, M. A. C., & Ilias, M. F. (2012). Hisbah pembelajaran kendiri dalam pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education, 4*(1), 45-60.

Marsh, K., & Young, S. (2016). Musical play. In G. McPherson (Ed.), *The child as musician: A handbook of musical development* (2nd ed., pp. 462–484). Oxford, UK: Oxford University Press.

Mifroh, N. (2020). Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget dan Implementasinya Dalam Pembelajaran di SD/MI. *JPT: Jurnal Pendidikan Tematik, 1*(3), 253-263.

Mohd Hassan Abdullah (2007). Music education in Malaysian public school: Implementation, issues and challenges. *Journal Pendidikan Bitara UPSI, 1*, 33-48.

Mubin Md Nor (2011). Develop human capital through music education in Malaysia. *Academic Research International, 1*(2), 220-227.

Nainggolan, O. T. P. (2017). Peranan metode Eurhythmics terhadap peningkatan kreativitas gerak. resital: *Jurnal Seni Pertunjukan*.

Nik Latif, N. H. (2010). *Kesediaan guru dalam perlaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan muzik di sekolah rendah*. Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Nur Shafiqa Mohtar. (2013). *Aplikasi kaedah Eurhythmics Dalcroze bagi membantu kefahaman kanak-kanak tadikamengenai ritma dan improvisasi melalui aktiviti gerakan muzik. perak*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Primary School. (n.d.). *Official website of ministry of education malaysia.* https://www.moe.gov.my/en/primary-school

Rafiza Abdul Razak. (2017). Strategi pembelajaran aktif secara kolaboratif atas talian dalam analisis novel Bahasa Melayu. JuKu: *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik,1*(3), 34-46.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Saad, S., Saad, N. S., & Dollah, M. U. (2012). Pengajaran kemahiran berfikir: Persepsi dan amalan guru Matematik semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia, 2*(1), 18-36.

Sacks, O. (2008). *Musicophilia: tales of music and the brain*. Canada. Knopf Double day Publishing Group.

Salim, A. (2013). Adaptasi pola ritme dangdut pada ansambel perkusi. Resital: *Jurnal Seni Pertunjukan.*

Samsudin, M. & Bakar, K. (2018). *Kepentingan muzik dan nyanyian dalam pendidikan prasekolah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Schiavio, A. (2019). The primacy of experience. Phenomenology, embodiment, and assessments in music education. *The Oxford Handbook of Philosophical and Qualitative Assessment in Music Education*, 65-81.

Shrivastava, P. (1987). Rigor and practical usefulness of research in strategic management. *Strategic Management Journal, 8(1), 77-92*.

Sutela, K., Juntunen, M.-L. & Ojala, J. (2020). Applying music-and-movement to promote agency development in music education: A case study in a special school. *British Journal of Music Education, 37*(1), *71–85*.

Thelen, P. & & Klifman, T. (2011). Using daily transition strategies to support all children. *Young Children, 66*(4), 92-98.

Toh Lai Chee (2011). Strategi dan pendekatan pengajaran pembelajaran muzik dalam kurikulum bersepadu sekolah menengah (tingkatan dua): *Kegunaan teori pelbagai kecerdasan untuk memperkembang kecerdasan muzikal dan mengaktifkan kecerdasan lain.* Universiti Sains Malaysia.

Tseng, V. & Nutley, S. (2014). Building the infrastructure to improve the use and usefulness of research in education. In *Using research evidence in education* (pp. 163-175). Springer, Cham.

Turcott. A. (2003). *Choral music education.* A survey of research 1996-2002.

Retno, U. (2013). *Taksonomi Bloom: Apa dan Bagaimana Menggunakannya?*. Widyaiswara Madya, Pusdiklat KNPK.

Utomo, U. (2014). Analisis kebutuhan guru seni musik dalam konteks pelaksanaan pembelajaran berbasis action learning di sekolah. *Harmonia: Journal of Arts Research and Education, 13*(2).

Utomo, M. R. A. Q. S. (2015). Mempertimbangkan Euritmika Emile Jaques-Dalcroze pada pengajaran seni muzik anak usia dini. *Ta'allum: Jurnal Pendidikan Islam, 3*(1), 1-17.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Wang, Dennis P. C. (2003). *Creative approaches to children music education*. Quantum Press.

Wang, D.P. (2008). *The quantifying analysis of effectiveness of music learning through the Dalcroze musical method*. Faculty of Education, University of Macau, Taipa Macau, China. USA.

Wentink, C., & Van der Merwe, L. (2020). Exploring the lived experiences of instrumental ensemble performers with Dalcroze Eurhythmics: An interpretative phenomenological analysis. *Frontiers in Psychology*, *11*, 336.

Wiggins, J. H., & Espeland, M. (2012). Creating in music learning contexts. In G. E. McPherson & G. F.Welch (Eds.). *The Oxford Handbook of music education (Vol. 1., pp. 341-360)*. London, England: OxfordUniversity Press.

Yahaya Buntat & Noor Sharliana Mat Nasir (2011). Faktor-faktor mendorong kreativiti di kalangan pelajar Universiti Teknologi Malaysia. *Journal of Educational Pscyhology and Counseling, 2*(1), 175-208.

Yelin, J. (1990). *Movement that fits Dalcroze Eurhytmics and the Suzuki method*. USA: Summy–Birchard Inc.

Yuhesti, S. (2014). Kajian eksperimental penggunaan limbah biji karet sebagai pengganti agregat kasar pada campuran beton ringan Kombinasi Pasir Tanjung Raja dan Conplast WP421. *Jurnal Teknik Sipil dan Lingkungan, 2*(3), 434-444.

Yunos, N. (2008). Peranan guru dalam memupuk kreativiti pelajar. *Jurnal Pengajian Umum Bil, 9,* 57.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN A

Ujian Pra dan Pasca Kemahiran Mencipta Corak Irama Meter Empatan

NAMA : …….

TAHUN : …….

ARAHAN :

Jawab semua soalan.

Corak Irama 1

4
4



Markah : _____

Corak Irama 2

4
4



Markah : _____

Corak Irama 3

4
4



Markah : _____

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN B

Aspek-aspek / **Kriteria**	**Skala Prestasi dan Pemarkahan**		
	Cemerlang (3)	**Sederhana (2)**	**Lemah (1)**
Mencipta Corak Irama 1 secara individu	Menggunakan ritma yang berbagai dan mengekalkan rentak yang stabil	Menggunakan ritma yang berbagai tetapi rentak kurang stabil	Menggunakan ritma yang terbatas dan rentak kurang stabil
Mencipta Corak Irama 2 secara individu	Menggunakan ritma yang berbagai dan mengekalkan rentak yang stabil	Menggunakan ritma yang berbagai tetapi rentak kurang stabil	Menggunakan ritma yang terbatas dan rentak kurang stabil
Mencipta Corak Irama 3 secara individu	Menggunakan ritma yang berbagai dan mengekalkan rentak yang stabil	Menggunakan ritma yang berbagai tetapi rentak kurang stabil	Menggunakan ritma yang terbatas dan rentak kurang stabil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN C

Ujian Amali Kemahiran Memainkan Corak Irama Meter Empatan

SET SOALAN A

Arahan:

Lakukan pergerakan SPCR berdasarkan skor lagu yang diberikan.

Corak Irama 1



Corak Irama 2



Corak Irama 3



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Arahan:

Perhatikan pergerakan SPCR yang ditunjukkan, lengkapkan jawapan pada soalan yang diberikan.

Corak Irama 1



Markah : _____

Corak Irama 2



Markah : _____

Corak Irama 3



Markah : _____

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SET SOALAN B

Arahan:

Lakukan pergerakan SPCR berdasarkan skor lagu yang diberikan.

Corak Irama 1



Corak Irama 2



Corak Irama 3



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Arahan:

Perhatikan pergerakan SPCR yang ditunjukkan, lengkapkan jawapan pada soalan yang diberikan.

Corak Irama 1

4
4



Markah : _____

Corak Irama 2

4
4



Markah : _____

Corak Irama 3

4
4



Markah : _____

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN D

Aspek-aspek / Kriteria	Skala Prestasi dan Pemarkahan		
	Cemerlang (3)	**Sederhana (2)**	**Lemah (1)**
Memainkan Corak Irama 1 secara berpasangan	Murid A : Menggunakan teknik SPCR untuk memainkan corak irama dengan betul bagi empat jenis notasi muzik, iaitu semibrif, minim, krocet dan kuaver. Murid B: Menjawab Soalan 1 menggunakan empat jenis notasi muzik, iaitu semibrif, minim, krocet dan kuaver dengan betul.	Murid A : Menggunakan teknik SPCR untuk memainkan corak irama dengan betul bagi tiga jenis notasi muzik. Murid B: Menjawab Soalan 1 menggunakan tiga jenis notasi muzik dengan betul.	Murid A : Menggunakan teknik SPCR untuk memainkan corak irama dengan betul bagi dua jenis notasi muzik. Murid B: Menjawab Soalan 1 menggunakan dua jenis notasi muzik dengan betul.
Memainkan Corak Irama 2 secara berpasangan	Murid A : Menggunakan teknik SPCR untuk memainkan corak irama dengan betul bagi empat jenis notasi muzik, iaitu semibrif, minim, krocet dan kuaver. Murid B: Menjawab Soalan 2 menggunakan empat jenis notasi muzik, iaitu	Murid A : Menggunakan teknik SPCR untuk memainkan corak irama dengan betul bagi tiga jenis notasi muzik. Murid B: Menjawab Soalan 2 menggunakan tiga jenis notasi muzik dengan betul.	Murid A : Menggunakan teknik SPCR untuk memainkan corak irama dengan betul bagi dua jenis notasi muzik. Murid B: Menjawab Soalan 2 menggunakan dua jenis notasi muzik dengan betul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	semibrif, minim, krocet dan kuaver dengan betul.		
Memainkan Corak Irama 3 secara berpasangan	Murid A : Menggunakan teknik SPCR untuk memainkan corak irama dengan betul bagi empat jenis notasi muzik, iaitu semibrif, minim, krocet dan kuaver. Murid B: Menjawab Soalan 3 menggunakan empat jenis notasi muzik, iaitu semibrif, minim, krocet dan kuaver dengan betul.	Murid A : Menggunakan teknik SPCR untuk memainkan corak irama dengan betul bagi tiga jenis notasi muzik. Murid B: Menjawab Soalan 3 menggunakan tiga jenis notasi muzik dengan betul.	Murid A : Menggunakan teknik SPCR untuk memainkan corak irama dengan betul bagi dua jenis notasi muzik. Murid B: Menjawab Soalan 3 menggunakan dua jenis notasi muzik dengan betul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN E

BORANG PEMERHATIAN

Nama Pemerhati : ……..

Tarikh : …….…….

Bil.	Item	Sebelum	
		Ya	Tidak
1	Persediaan murid terhadap pembelajaran		
2	Tumpuan murid terhadap pengajaran dan pembelajaran		
3	Pengilbatan murid secara aktif dalam aktiviti muzikal		
4	Penggunan kaedah pengajaran yang menarik dan sistematik		
5	Refleksi terhadap intervensi kajian		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN F

[redacted]

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : HEM 5/20
Tarikh : 01 Dis 2020

Pejabat Pendidikan Wilayah Sentul
288, Jalan Sultan Azlan Shah, Jalan Ipoh,
51200 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tuan,

Makluman Pelaksanaan Aktiviti Intervensi Kajian bertajuk "Aplikasi Teknik Step-Clap-Role (SCR) Dalam Ciptaan Corak Irama Meter Empatan bagi Murid Tahun Empat"

Dengan segala hormatnya perkara atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak sekolah akan menjalankan aktiviti intervensi kajian oleh Cikgu Lau Yee Ting bersama dengan 30 orang murid Tahun 4 seperti butiran berikut:

05-450683 ptbupsi

Tarikh	: 11 Disember 2020
Tempat	: Dewan Baru Sekolah
Masa	: 8.00 pagi – 10.30 pagi
Penglibatan	: Cikgu Lau Yee Ting dan 30 orang murid Tahun 4

3. Murid-murid dipilih secara sukarela dengan persetujuan ibu bapa. Pihak sekolah akan memastikan pelaksanaan aktiviti intervensi kajian tersebut mengikut SOP yang telah ditetapkan.

Sekian untuk makluman pihak tuan, terima kasih.

[redacted]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN G



[redacted]

[redacted]

敬：亲爱的家长 / 监护人　　日期：03-12-2020

Kepada : IbuBapa / Penjaga　　Tarikh

谨允许贵子女参加以下活动

Kebenaran IbuBapa kepada anak untuk menyertai aktiviti berikut :


活动 Aktivit	Aktiviti Intervensi Kajian bertajuk "Aplikasi Teknik Step-Clap-Role (Scr) Dalam Ciptaan Corak Irama Meter Empatan Bagi Murid Tahun Empat"
活动地点 Tempat Aktiviti	Dewan Baru Sekolah
日期 Tarikh 星期 Hari 时间 Masa	04 - 12 – 2020 (星期一) / 8.00 a.m.
解散时间 Waktu Bersurai	10 : 30 a.m.
带队老师 Guru Pengiring	刘丽婵师（Miss Lau）
带队老师联络电话 No Telefon Guru Pengiring	010-6572725

2. **在活动期间，带队老师将尽力注意贵子女的安全。如发生未测事件，本校恕难负责，但会尽快联络家长。交通请自备。**

Guru pengiring akan menjaga keselamatan anak tuan/puan, pihak sekolah tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kemalangan, guru pengiring atau pihak sekolah akan menghubungi tuan/puan dengan segera.Pengangkutan tidak disediakan.

延附回条于后，敬请早日填复是盼。

Sila lengkapkan slip di bawah dan pulangkan kepada guru pengiring.



_____**启**

[redacted]

家长回条

敬 Kepada ：中国公学校长 Guru Besar　　日期 Tarikh ：_____

我_____（同意 / 不同意）我的孩子_____（　班）参加下列活动：

Saya _____* (bersetuju/tidak bersetuju) anak saya _____(Kelas :) menyertai aktiviti berikut:

活动 Aktiviti	Aktiviti Intervensi Kajian bertajuk "Aplikasi Teknik Step-Clap-Role (SCR) Dalam Ciptaan Corak Irama Meter Empatan Bagi Murid Tahun Empat"
活动地点 Tempat Aktiviti	Dewan Baru Sekolah
日期 Tarikh 星期 Hari 时间 Masa	04 - 12 – 2020 (星期一) / 8.00 a.m.

我明白校方会尽力照顾学生的安全，但如果发生未测事件，校方不需负任何责任。交通请自备。

Saya difahamkan bahawa pihak sekolah akan mengambil langkah-langkah yang sewajar untuk menjamin keselamatan anak saya, tetapi tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kemalangan. Pengangkutan tidak disediakan.

_____　　**手机号码** No. telefon bimbit : _____

家长 / 监护人签名　　**家用电话号码** No. telefon rumah : _____

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi